



# **LAPORAN TAHUNAN 1981-82**

**UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**KDN 0796/82**

**doi: 10.47836/upm.ir.21976**

# LAPURAN NAIB CANSOLOR

## UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

### LAPURAN TAHUNAN 1981-82

#### KANDUNGAN

Laporan Naib Canselor .....	1
Fakulti Pertanian .....	18
Fakulti Perhutanan .....	39
Fakulti Kedokteran Veterinar Dan Sains Peternakan .....	42
Fakulti Ekonomi Sumber Dan Perniagaantani .....	58
Fakulti Pengajian Pendidikan .....	65
Fakulti Kejuruteraan Pertanian .....	78
Fakulti Sains Dan pengajian Alam Sekitar .....	83
Fakulti Perikanan Dan Sains Samudra .....	93
Fakulti Sains Dan Teknologi Makanan .....	98
Pusat Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan .....	101
Kampus Cawangan Sarawak .....	107
Ladang .....	114
Perpustakaan .....	128

# LAPURAN NAIB CANSOLOR

## NAIB CANSOLOR

Profesor Tan Sri Dato' (Mohd.) Rashdan bin Haji Baba, PSM, DPMS, JSM, PPT, Dip. Agric. (Malaya), B.Sc. (Reading), Ph.D. (Leeds). (hingga 28hb. Februari 1982).

Profesor Dr. Nayan bin Ariffin, JSM, Dip. Agric (Malaya), B.S., M.S. (Louisiana State), Ph.D. (Wis.). (mulai 1hb. Mac 1982).

## PENDAHULUAN

Pada tahun akademik 1979-80, Universiti Pertanian Malaysia terus mengalami perkembangan pesat samada dari segi akademik mahupun perkembangan fizikal.

Pada tahun akademik ini Fakulti Sains dan Teknologi Makanan telah ditubuhkan iaitu pada 1hb. Mac. 1982. Di samping itu sebuah Pusat Komputer juga ditubuhkan.

Sementara itu dari segi perkembangan fizikal pula, projek-projek pembangunan baik di Kampus Serdang mahupun di Kampus Cawangan Sarawak terus berjalan.

## MAJLIS

**Mesyuarat.** Sepanjang tahun akademik ini, Majlis telah bersidang sebanyak enam kali untuk mesyuarat biasa, iaitu lima kali di Kampus Induk Serdang dan sekali di Pusat Perikanan dan Sains Samudra, Kuala Trengganu.

**Perubahan keahlian.** Y.B. Profesor Tan Sri Mohd Rashdan bin Haji Baba, Naib Canselor, telah bersara daripada perkhidmatan Universiti untuk memegang jawatan baru sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Sdn Bhd mulai 1 Mac 1982. Beliau digantikan oleh Timbalan Naib Canselor Profesor Nayan bin Ariffin.

**Penghargaan.** Sempena dengan persaraan Y.B. Profesor Tan Sri Mohd Rashdan, Majlis merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepadanya atas perkhidmatan yang telah diberikan olehnya kepada Universiti Pertanian Malaysia.

**Tahniah.** Majlis mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahlinya yang berikut: kepada Pengerusi Majlis Y.B. Tan Sri Haji Hashim Aman atas pengurniaan darjah Panglima Mangku Negara (P.M.N.) sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Agong; kepada Y.B. Dato' Shamsir bin Omar atas pengurniaan darjah Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) sempena Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor; kepada Y.B. Dato' Wan Nik bin Ismail atas pengurniaan darjah Dato' Paduka Mahkota Trengganu (D.P.M.T.) sempena Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Trengganu; kepada Y.B. Profesor Tan Sri Mohd Rashdan bin Haji Baba atas perlantikannya sebagai Pengerusi Eksekutif bagi Guthrie Ropel dan Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd; dan kepada Profesor Dr. Nayan bin Ariffin atas perlantikannya sebagai Naib Canselor.

## SENAT

Sepanjang tahun akademik 1981-82 Senat telah bersidang untuk 12 mesyuarat biasa dan 5 mesyuarat khas. Di antara perkara-perkara penting yang dipertimbangkan ialah:

- (i) Penubuhan Peraturan-peraturan dan draf Statut yang berikut:

Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981

Draf Statut Universiti Pertanian Malaysia (Profesor Emeritus) 1982

Draf Statut Universiti Pertanian Malaysia (Pusat Komputer) 1982.

(ii) Penyusunan semula kurikulum Diploma Perhutanan dan Doktor Perubatan Veterinar.

(iii) Syor-syor menubuhkan program-program pengajian baru untuk dilaksanakan mulai sesi 1982-83 seperti berikut

- Diploma Perniagaantani
- Diploma Sains Komputer
- Bachelor Sains Komputer
- Bachelor Reka Bentuk Landskap.

**PERLANTIKAN PEMERIKSA/PENILAI LUAR BAGI SESI 1981-82**

Bil.	Pemeriksa/Penilai Luar	Dari
1.	Y.B. Dato' (Dr.) Osman bin Din	Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia.
2.	* Prof. Harold Pearson	University of Bristol
3.	* Prof. Ronald Alfred Leng	University of New England.
4.	* Prof. A.S. King	University of Liverpool
5.	* Prof. Ernest Jackson Lawson Soulsby	University of Cambridge
6.	* Prof. Max R. Langham	University of Florida
7.	* Prof. Ralph M. Roberts	University of West Florida
8.	Prof. Laurence Roche	University College of North Wales, Bangor.
9.	Prof. Irene Beavers	Iowa State University

(iv) Perlantikan tambahan 2 orang Persektu Akademik bagi Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan.

(v) Syor untuk mengujudkan suatu siri Syarahan Penghormatan mulai tahun 1983 serta penubuhkan Hadiah Penyelidikan Cemerlang.

(vi) Pencalonan untuk pengurniaan Ijazah Kehormat dan Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus sempena dengan Konvokesyen Ke-6 pada tahun 1982.

Universiti telah melantik 18 orang Pemeriksa/Penilai Luar bagi sesi 1981-82 seperti berikut:

Program diperiksa/dinilai
Doktor Perubatan Veterinar
— sama —
— sama —
— sama —
— sama —
— sama —
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)
Bachelor Sains (Perniagaantani)
Bachelor Sains (Perhutanan)
Bachelor Pendidikan (Teknologi R/Tangga) dan Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)

Bil. Pemeriksa/ Penilai Luar	Dari	Program diperiksa/ dinilai
10. * Dr. Yoshiro Hatano	Tokyo Gakuhei University	Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)
11. Dr. George Allen	Cooperative State Research Service, United States Department of Agriculture, Washington D.C.	Bachelor Sains Pertanian
12. Dr. J.G. Harvey	University of East Anglia	Bachelor Sains (Alam Sekitar)
13. Prof. Roland W. Frei	Free University, Amsterdam	Bachelor Sains (Kep.) / Sains dgn. Pendidikan (Kep.) (bidang Kimia).
14. * Prof. D. Bellamy	University College. Cardiff	Bachelor Sains (Kep.) / Sains dgn. Pendidikan (Kep.) (bidang Biologi)
15. Prof. Madya Tan Wan Seng	Pusat Pengajian Sains Matematik, Universiti Sains Malaysia	Bachelor Sains (Kep.) / Sains dgn. Pendidikan (Kep.) (bidang Matematik)
16. Prof. Harry Nursten	University of Reading	Bachelor Sains dan Teknologi Makanan
17. Prof. William J. Chancellor	University of California	Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)
18. Prof. Merle L. Esmay	Michigan State University	Bachelor Kejuruteraan (Pertanian).

\* Dilantik sebagai Pemeriksa dan Penilai Luar.

## KEMASUKAN DAN REKOD

### (a) Program Pengajian

Pada sesi 1981-82 Universiti Pertanian Malaysia telah menawarkan program-program pengajian di peringkat Master dan Doktor Falsafah, satu program di peringkat Diploma Profesional, 17 program di peringkat Bachelor, 7 program

di peringkat Diploma dan satu program Pendahuluan. Di antara program-program itu ialah dua program baru di peringkat Bachelor iaitu Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama). Senarai penuh program-program yang ditawarkan ialah seperti berikut:

**Pengajian siswazah****Kampus**

Master Sains	Serdang
Master Sains Pertanian	Serdang
Master Kejuruteraan (Pertanian)	Serdang
Master Sains Veterinar	Serdang
Master Sains dan Teknologi Makanan	Serdang
Doktor Falsafah	Serdang
Doktor Kejuruteraan (Pertanian)	Serdang
Doktor Sains Veterinar	Serdang

Jangka masa untuk pengajian siswazah adalah seperti berikut:

Program Master penuh masa	2 - 6 semester
Program Master separuh masa	4 - 10 semester
Program Ph.D. penuh masa	4 - 10 semester
Program Ph.D. separuh masa	6 - 12 semester

**Program Diploma Profesional****Jangka Masa****Kampus**

Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan	1½ tahun	Serdang
--	----------	---------

**Program Bachelo**

Doktor Perubatan Veterinar	10 semester	Serdang
Bachelor Sains Pertanian	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Perhutanan)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Perniagaantani)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Kepujian)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains dgn. Pendidikan (Kepujian)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	8 semester	Serdang
Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)	8 semester	Serdang
Bachelor Sains (Perikanan)	8 semester	Serdang
Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)	8 semester	Serdang
Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)	8 semester	Serdang
Bachelor Pendidikan (Tek. Rumahtangga)	8 semester	Serdang
Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)	8 semester	Serdang
Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)	8 semester	Serdang

**Program Diploma**

Diploma Pertanian	6 semester	Serdang & Sarawak
-------------------	------------	-------------------

Diploma Kesihatan Haiwan & Peternakan	7 semester	Serdang
Diploma Sains dgn. Pendidikan	6 semester	Serdang
Diploma Perikanan	6 semester	Serdang

Program Diploma	Jangka masa	Kampus
Diploma Pembangunan Manusia	6 semester	Serdang
Diploma Kejuruteraan Pertanian	6 semester	Serdang
Diploma Perhutanan	6 semester	Sarawak
Program Pendahuluan (Untuk calon-calon dari Sabah dan Sarawak sahaja).	2 semester	Sarawak

**(b) Pengambilan Pelajar**

Bilangan pelajar baru yang diterima masuk bagi program-program tersebut di atas adalah seperti berikut:

Pengajian siswazah	—	32 orang
Diploma Profesional	—	12 orang
Program Bachelor	—	776 orang
Program Diploma	—	994 orang
Program Pendahuluan	—	40 orang

**Jadual I** menunjukkan taburan pengambilan pelajar baru bagi sesi 1981-82 mengikut program dan jantina.

**(c) Pendaftaran Pelajar**

Seramai 4,131 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada Semester I dan 3,997 orang pada Semester II untuk mengikuti berbagai program yang terdapat di kampus Serdang dan Sarawak, (termasuk program pengajian siswazah dan program diploma profesional **Jadual II, III dan IV** menunjukkan taburan pendaftaran pelajar untuk semua program bagi kedua-dua semester sesi 1981-82 ini.

**(d) Siswazah**

Pada akhir sesi 1981-82 seramai 780 orang pelajar telah tamat pengajian mereka dengan jayanya dan akan dikurniakan ijazah atau diploma masing-masing. Pecahan bilangan siswazah ini adalah seperti berikut:

Doktor Falsafah	—	1 orang
Master	—	12 orang
Bachelor	—	381 orang
Diploma	—	386 orang

**Jadual V** menunjukkan taburan siswazah mengikut program dan jantina bagi sesi 1981-82.

**PERJAWATAN**

Dalam tahun 1982, Kerajaan Malaysia telah meluluskan sebanyak 274 jawatan untuk Universiti Pertanian Malaysia. Ini menjadikan kesemua jawatan yang wujud dalam tahun 1981 ialah 3721 dan 3995 dalam tahun 1982. Bahagian Perjawatan dari masa ke semasa mengambil tindakan mengisi jawatan-jawatan yang kosong dengan mengiklankan jawatan-jawatan tersebut di akhbar-akhbar dan dalam Kampus Universiti Pertanian Malaysia sendiri.

Bahagian perjawatan masih mengalami banyak kesukaran untuk mengisi jawatan-jawatan penting di Universiti ini terutama sekali bagi jawatan-jawatan Guru dalam sesuatu bidang pengkhususan tertentu. Sementara menantikan bakal-bakal tenaga pengajar/-pegawai-pegawai pulang ke tanah air setelah menjalani latihan-latihan di luar negeri, Universiti ini telah melantik seramai 20 orang warganegara asing untuk berkhidmat secara kontrek untuk jangka masa dua hingga tiga tahun. Disamping itu Universiti juga melatih pnsyarah sambilan bagi menampung kekurangan tenaga pengajar.

JADUAL I

TABURAN PENGAMBILAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA  
BAGI TAHUN AKADEMIK 1981/82

Program	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Diploma Pertanian (Serdang)	220	69	289
(Sarawak)	146	9	155
Diploma Pembangunan Manusia	7	42	49
Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	32	8	40
Diploma Perikanan	33	2	35
Diploma Perhutanan	42	—	42
Diploma Sains dengan Pendidikan	184	158	342
Diploma Kejuruteraan Pertanian	37	5	42
Pendahuluan	34	6	40
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>735</b>	<b>299</b>	<b>1,034</b>
Doktor Perubatan Veterinar	23	4	27
Bachelor Sains Pertanian	92	10	102
Bachelor Sains (Perhutanan)	19	1	20
Bachelor Sains (Perniagaantani)	106	14	120
Bachelor Sains (Kep)/Sains dengan Pendidikan (Kep)	60	77	137
Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	39	1	40
Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	27	6	33
Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)	11	12	23
Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)	19	8	27
Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga)	—	27	27
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)	50	15	65
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	14	3	17
Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)	22	8	30
Bachelor Sains (Perikanan)	27	—	27
Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)	21	22	43
Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)	14	24	38
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>544</b>	<b>232</b>	<b>776</b>
Master	20	5	25
Ph.D	7	—	7
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>27</b>	<b>5</b>	<b>32</b>
Diploma Profesional Teknologi & Pengurusan Perladangan	11	1	12
Master	20	5	25
Ph.D	7	—	7
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>27</b>	<b>5</b>	<b>32</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>1317</b>	<b>537</b>	<b>1854</b>

**JADULA II**  
**TABURAN PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER TAHUN AKADEMIK 1981-1982**  
**(KAMPUS SERDANG)**

FAKULTI	TAHUN PROGRAM	SEMESTER I						SEMESTER II					
		I	II	III	IV	V	J	I	II	III	IV	V	J
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	Bachelor Sains (Perniagaantani)	120	94	71	30	—	315	115	91	69	31	—	306
	Bachelor Sains (Ekonomi)	67	36	32	9	—	144	63	36	332	9	—	140
	<b>JUMLAH</b>	187	130	103	39	—	459	178	127	101	40	—	446
Kedokteran Vererinar dan Sains Pternakan	Doktor Perubatan Veterinar	27	26	21	20	16	110	26	28	19	21	17	111
	Diploma Kesihatan Haiwan dan Pternakan	41	19	12	9	—	81	41	17	13	—	—	71
	<b>JUMLAH</b>	68	45	33	29	16	191	67	45	32	21	17	182
Kejuruteraan Pertanian	Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	41	28	25	28	—	122	40	28	24	28	—	120
	Diploma Kejuruteraan (Pertanian)	42	25	—	—	—	67	40	23	—	—	—	63
	<b>JUMLAH</b>	83	53	25	28	—	189	80	51	24	28	—	183
Perhutanan	Bachelor Sains (Perhutanan)	20	20	14	12	—	66	18	20	14	12	—	64
	<b>JUMLAH</b>	20	20	14	12	—	66	18	20	14	12	—	64

FAKULTI	PROGRAM \ TAHUN	SEMESTER I						SEMESTER II					
		I	II	III	IV	V	J	I	II	III	IV	V	J
Pengajian Pendidikan	Bachelor Pend. (Sains Pertanian)	28	21	24	22	—	95	25	20	25	21	—	91
	Bachelor Pend. (Teknologi Rumahtangga)	29	18	5	7	—	59	22	16	5	7	—	50
	Bachelor Pend. (Pendidikan Jasmani)	30	25	18	—	—	73	30	27	18	—	—	75
	Bachelor Pend. (Peng. B. Malaysia sebagai Bahasa Pertama)	38	—	—	—	—	38	37	—	—	—	—	37
	Bachelor Pend. (Bimbingan & Kaunseling)	43	—	—	—	—	43	42	—	—	—	—	42
	<b>JUMLAH</b>	<b>168</b>	<b>64</b>	<b>47</b>	<b>29</b>	<b>—</b>	<b>308</b>	<b>156</b>	<b>63</b>	<b>48</b>	<b>28</b>	<b>—</b>	<b>295</b>
Pertanian	Bachelor Sains Pertanian	101	97	82	92	—	372	101	95	75	93	—	364
	Bachelor Sains & Tek. Makanan	33	28	27	17	—	105	28	27	25	19	—	99
	Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)	23	15	8	3	—	49	21	15	8	3	—	47
	Diploma Pertanian	289	131	119	—	—	539	284	132	118	—	—	534
	Diploma Pembangunan Manusia	48	22	8	—	—	78	47	22	8	—	—	77
	<b>JUMLAH</b>	<b>494</b>	<b>293</b>	<b>244</b>	<b>112</b>	<b>—</b>	<b>1143</b>	<b>481</b>	<b>291</b>	<b>234</b>	<b>115</b>	<b>—</b>	<b>1121</b>
Sains dan Pengajian Alam Sekitar	Bachelor Sains Kejujarian	29	15	5	3	—	52	23	14	3	3	—	43
	Bachelor Sains dengan Pend. (Kep.)	109	84	58	27	—	278	102	84	51	27	—	264
	Bachelor Sains (Alam Sekitar)	17	22	14	7	—	60	16	19	14	7	—	56
	Diploma Sains dgn Pendidikan	348	191	191	—	—	730	338	186	179	—	—	703
	<b>JUMLAH</b>	<b>503</b>	<b>312</b>	<b>268</b>	<b>37</b>	<b>—</b>	<b>1120</b>	<b>479</b>	<b>303</b>	<b>247</b>	<b>37</b>	<b>—</b>	<b>1066</b>

FAKULTI/PUSAT	PROGRAM \ TAHUN	SEMESTER I						SEMESTER II					
		I	II	III	IV	V	J	I	II	III	IV	V	J
Perikanan	Bachelor Sains (Perikanan)	26	18	25	—	—	69	28	17	25	—	—	70
	Diploma Perikanan	35	18	17	—	—	70	37	18	17	—	—	72
	<b>JUMLAH</b>	61	36	42	—	—	139	65	35	42	—	—	142
	<b>JUMLAH BESAR</b>						3615						3499

JADUAL III

TABURAN PELAJAR-PELAJAR MENGIKUT PROGRAM DAN SEMESTER  
BAGI TAHUN AKADEMIK 1981-82 (CAWANGAN SARAWAK)

PROGRAM \ TAHUN	SEMESTER I				SEMESTER II			
	I	II	III	J	I	II	III	J
Diploma Pertanian	153	94	54	301	141	94	53	288
Diploma Perhutanan	45	21	13	79	41	20	13	74
Pendahuluan	40	—	—	40	40	—	—	40
<b>JUMLAH</b>	<b>238</b>	<b>115</b>	<b>67</b>	<b>420</b>	<b>222</b>	<b>114</b>	<b>66</b>	<b>402</b>

JADUAL IV

TABURAN PELAJAR-PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH MENGIKUT FAKULTI  
DAN SEMESTER BAGI TAHUN AKADEMIK 1981-82

FAKULTI/PUSAT	SEMESTER I				SEMESTER II			
	Dip. Prof.	Master	Ph.D	J	Dip. Prof.	Master	Ph.D	J
Ekonomi Sumber dan Perniagaantani	—	10	1	11	—	9	—	9
Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan	—	12	2	14	—	16	5	21
Pengajian Pendidikan	—	24	2	26	—	21	2	23
Pertanian	12	11	9	20	13	11	10	21
Sains dan Pengajian Alam Sekitar	—	—	1	1	—	—	1	1
Perikanan dan Sains Samudera	—	3	1	4	—	2	1	3
Perhutanan	—	2	—	2	—	—	—	—
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	—	5	1	6	—	4	1	5
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>67</b>	<b>17</b>	<b>84</b>	<b>13</b>	<b>63</b>	<b>20</b>	<b>83</b>

JADUAL V

TABURAN SISWAZAH MENGIKUT PROGRAM DAN JANTINA BAGI TAHUN  
AKADEMIK 1981/82

Program	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Diploma Pertanian	158	14	172
Diploma Pembangunan Manusia	—	8	8
Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	8	1	9
Diploma Perikanan	17	—	17
Diploma Sains dengan Pendidikan	100	67	167
Diploma Perhutanan	13	—	13
<b>Jumlah</b>	<b>296</b>	<b>90</b>	<b>386</b>
Bachelor Sains (Ekonomi Sumber)	26	6	32
Bachelor Sains (Perniagaantani)	53	17	70
Doktor Perubatan Veterinar	17	3	20
Bachelor Kejuruteraan (Pertanian)	29	—	29
Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)	17	9	26
Bachelor Pendidikan (Tek. Rumahtangga)	—	9	9
Bachelor Sains (Perhutanan)	11	—	11
Bachelor Sains Pertanian	95	3	98
Bachelor Sains (Pembangunan Manusia)	—	3	3
Bachelor Sains dan Teknologi Makanan	11	8	19
Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kep)	12	15	27
Bachelor Sains (Kep)	7	7	14
Bachelor Sains (Alam Sekitar)	7	—	7
Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)	14	2	16
<b>Jumlah</b>	<b>299</b>	<b>82</b>	<b>381</b>
Master Sains Pertanian	4	—	4
Master Sains	7	1	8
Ph.D	1	—	1
<b>Jumlah</b>	<b>12</b>	<b>1</b>	<b>13</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>607</b>	<b>173</b>	<b>780</b>

Sepanjang tahun 1981 seramai 112 orang pegawai dalam berbagai kategori telah meletakkan dan ditamatkan jawatannya di Universiti ini.

Dalam tahun 1981 sebanyak 73 kes tatatertib telah dikemukakan kepada Lembaga Tata-tertib Universiti Pertanian Malaysia dan dari tindakan tersebut seramai 31 orang pegawai dithabitkan dengan beberapa kesalahan dan telah dibuang kerja.

## LATIHAN

Bagi meninggikan kelayakan dan prestasi akademik bagi guru-guru dalam sesuatu bidang pengkhususan, ramai di kalangan mereka telah dihantar mengikuti Ijazah Lanjutan dan kursus-kursus pendek terutama di luar negeri. Untuk maksud ini seramai 39 orang tenaga mengajar telah melanjutkan pelajaran diperingkat Master, 32 orang lagi diperingkat Doktor Falsafah dan 37 orang telah mengikuti kursus-kursus pendek dipelbagai bidang.

Dalam tahun 1982 seramai 55 orang tenaga pengajar telah menamatkan cuti belajar dan 33 orang daripadanya menamatkan kursus di peringkat M.Sc. dan 22 orang di peringkat Ph.D.

Bahagian Latihan Universiti ini juga sentiasa memandang berat akan kepentingan-kepentingan perkhidmatan bagi pegawai-pegawai rendah diperingkat perkeranian dan teknik bagi mendedahkan mereka kepada berbagai teknik moden untuk mencapai satu tahap prestasi kerja yang tinggi dan meningkatkan lagi daya pengeluaran. Untuk tujuan ini bahagian latihan telah menganjurkan sebanyak 41 kursus dan latihan dalam perkhidmatan di kampus Universiti Pertanian Malaysia. Disamping itu juga beberapa orang pegawai telah dihantar mengikuti kursus di INTAN, Pusat Daya Pengeluaran Negara dan di pelbagai Institusi Latihan dalam negeri.

## PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan telah menambah-

kan penyiapan beberapa buah bangunan baru bagi tahun akademik 1981-1982 dengan perbelanjaan sebanyak \$58,952,273.19 bagi membiayai projek-projek di Serdang, Kampus Cawangan di Semenggok dan Cawangan Tetap di Bintulu, Sarawak, stesyen-stesyen luar UPM di Kuala Trengganu dan Port Dickson, serta projek Hdyropo-nik yang baru dijalankan di Genting High-land. Projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) yang kini hampir disiapkan adalah seperti berikut:-

- 1) Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar
  - a) Bangunan Biokimia Mikrobiologi
  - b) Bangunan Sains Alam Sekitar
- 2) Bangunan Pentadbiran
- 3) Bangunan Tambahan Perpustakaan
- 4) Kompleks Ladang
- 5) Bangunan Fakulti Perikanan & Sains Samudra
- 6) Bangunan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan
- 7) Kompleks Rumah Kaca /Insectary
- 8) Bangunan Tambahan Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani

Projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) yang sedang di dalam peringkat rundingan dan merekabentuk seperti berikut:-

- 1) Kampus Cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak.
- 2) Kompleks Gimnasium dan Kolam Renang
- 3) Pusat Islam
- 4) Bangunan Fakulti Pengajian Pendidikan
- 5) Unit Memproses Makanan
- 6) Bangunan Matematik

## BANTUAN TEKNIKAL DAN HUBUNGAN KERJASAMA

Sebagai salah satu langkah untuk meninggikan mutu pengajian dan penyelidikan, Universiti Pertanian Malaysia menitikberatkan peri mustahaknya perhubungan antarabangsa yang memberi faedah di bawah rancangan bantuan teknikal dan rancangan kerjasama dengan institusi-institusi luar.

Malangnya jumlah bantuan teknikal dari sumber-sumber luar yang diberi Universiti Pertanian Malaysia dikurangkan tahun demi tahun oleh kerana negeri Malaysia sekarang dianggap sebagai negara yang telah maju. Sebaliknya, bilangan rancangan kerjasama antara Universiti Pertanian Malaysia dengan institusi-institusi luar makin bertambah. Ini menunjukkan Universiti Pertanian Malaysia sudah muncul sebagai universiti terkemuka dalam dunia akademik.

Pada tahun 1981-82 hanya kerajaan Belgium sahaja yang terus memberi bantuan teknikal dalam bidang Sains Tanah kepada Universiti Pertanian Malaysia di bawah perjanjian dua hala di antara Malaysia dengan Belgium yang telah dilaksanakan sejak tahun 1975. Agensi-agensi lain yang telah memberi sumbangan besar kepada Universiti Pertanian Malaysia termasuk:- Australian Vice-Chancellors' Committee, The British Council, Malaysia-American Commission on Educational Exchange, Canadian Executive Service Overseas dan Association of Commonwealth Universities.

## **HALEHWAL PELAJAR**

### **Kegiatan Pelajar**

Kegiatan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian Malaysia adalah disalurkan melalui persatuan masing-masing. Terdapat 23 buah persatuan pelajar yang telah didaftarkan termasuk Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia /Majlis Perwakilan Pelajar.

Persatuan Pelajar dibahagikan kepada 5 kategori, iaitu:

1. Persatuan Mahasiswa UPM
2. Persatuan Fakulti
3. Seni Mempertahankan Diri
4. Agama
5. Lain-lain.

### **Bidang Kegiatan:**

Kegiatan yang dijalankan oleh Persatuan-persatuan adalah secara keseluruhannya

tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Seksyen 48 Akta A 295, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMUPM) merupakan persatuan induk, yang pemilihan ahli-ahli majlis perwakilannya dibuat melalui sistem pilihanraya. Kegiatan-kegiatan yang sering dijalankan seperti ceramah, forum, dialog, perbahasan, kursus khemah kerja, projek kampung angkat, pameran, pertunjukan budaya, lawatan, pertandingan sukan dan penerbitan.

Setiap jawatankuasa persatuan fakulti yang telah dilantik akan merancang aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan sepanjang satu tahun tempoh perlantikan mereka. Ianya meliputi aktiviti seperti ceramah, seminar, forum, dialog, bahas, lawatan, pertunjukan, pameran, sukan dan penerbitan.

Keseluruhan aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan fakulti yang berkenaan adalah mendapat kerjasama yang sepenuhnya dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Persatuan-persatuan Agama merupakan persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang ada hubungannya dengan agama.

Persatuan Mahasiswa Islam (PMIUPM) merupakan persatuan yang kedua penting selepas PMUPM. Semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan ini adalah mendapat kerjasama dan nasihat dari Unit Bimbingan Agama Hal Ehwal Pelajar dan pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar yang lain.

Persatuan-persatuan Agama lain juga bergerak di universiti. Kegiatan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan sentiasa diawasi agar tidak terkeluar dari landasan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh persatuan-persatuan agama ini mempunyai persamaan dengan persatuan-persatuan lain. Persatuan-persatuan agama dibenarkan menjalankan aktiviti untuk faedah ahli

masing-masing.

Seni mempertahankan diri adalah sebahagian dari usaha mengekalkan tradisi seni budaya bangsa di kalangan para pelajar. Umumnya kegiatan-kegiatan yang dijalankan meliputi latihan-latihan seni mempertahankan diri yang diadakan setiap minggu oleh persatuan-persatuan yang berkenaan seperti silat gayong, Tae Kwan-do yang dijalankan 2 kali seminggu.

### **Unit Kaunseling dan Kerjaya**

Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya yang ditubuhkan dalam Bahagian Hal Ehwal Pelajar menyediakan pelbagai kemudahan yang boleh menolong pelajar-pelajar mencapai ke tahap potensi yang maksimum dan juga untuk mengujudkan keadaan kesihatan mental yang baik di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian Malaysia.

Pelajar-pelajar yang ingin membincangkan mengenai diri dan rancangan-rancangan mereka boleh menemui kaunselor-kaunselor yang bersifat simpatatik dan berkefahaman. Kaunselor yang terlatih secara profesional ada untuk berbincang dengan pelajar-pelajar secara kerahsiaan (confidentiality) dan secara objektif tentang masalah yang berupa pendidikan, akademik, vokasional, peribadi, emosi, mental, sosial dan kesihatan, yang mana ada hubungan dengan pencapaian kejayaan atau sukses di universiti. Adalah menjadi tujuan utama Unit perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya ini untuk membantu pelajar-pelajar bertumbuh dan berkembang dalam kefahaman diri supaya mereka mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi masakini, dapat dijadikan petunjuk kepada penyelesaian masalah di masa-masa hadapan kelak.

### **Unit Bimbingan Agama**

Unit Bimbingan Agama berusaha membimbing para pelajar menjadi seorang ahli akademik yang berpegang teguh dengan perundangan Islam. Bagi mencapai tujuan

uni Unit Bimbingan Agama telah menjalankan berbagai-bagai kegiatan. Kegiatan-kegiatan itu adalah berbentuk kursus, seminar, kelas-kelas, bimbingan nasihat, forum, pameran, risalah dan sebagainya.

Kegiatan yang dijalankan ini sentiasa mendapat kerjasama dari para pelajar, khasnya Persatuan Mahasiswa Islam. Program atau aktiviti yang diadakan sentiasa mendapat sambutan dari keseluruhan pelajar. Minat para pelajar ke arah memahami agama Islam secara mendalam amat kuat sekali.

Sepanjang sesi akademik 1981/82, berbagai kegiatan telah dijalankan oleh Unit Bimbingan Agama dengan kerjasama Mahasiswa Islam Universiti Pertanian Malaysia, Kegiatan-kegiatan tersebut ialah:

1. Kursus Asasi Siswi
2. Majlis Syiar Ramadhan
3. Kursus Penulisan Islam
4. Kursus Penyelenggaraan Jenazah
5. Hari Siswi
6. Majlis Asyura'
7. Seminar Wanita Mithaliah
8. Majlis Maulud Nabi S.A.W.
9. Simposium Pendidikan Islam
10. Ceramah-ceramah Umum yang diadakan dari masa ke semasa
11. Risalah-risalah yang diedarkan dalam kampus berhubung dengan pengetahuan Islam dan sempena dengan hari-hari kebesaran Islam, juga poster-poster yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
12. Mengadakan pameran buku-buku Islam, pertunjukan filem-filem berbentuk Islam dan sebagainya.
13. Mengadakan kutipan derma bagi pelajar yang mengalami kesusahan atau kesulitan, seperti ada kematian dan sebagainya.

### **Biasiswa /Pinjaman**

Bahagian ini memainkan peranan yang penting dalam usaha menampung keperluan perbelanjaan para pelajar sepanjang masa mereka menuntut di universiti ini.

Kebanyakan para pelajar memperoleh peruntukan-peruntukan wang yang diberikan oleh penganjur mengikut kadar dan jumlah yang tertentu. Penganjur-penganjur ini terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kerajaan-kerajaan Negeri, badan-badan berkanun dan pihak-pihak swasta.

Walau bagaimanapun masih juga terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak menerima peruntukan biasiswa atau pinjaman sama ada tidak ditawarkan atau tidak memohon atau menggunakan perbelanjaan sendiri.

### **Pusat Kesihatan Pelajar**

Sepanjang tahun 1981, Pusat Kesihatan Pelajar telah berjalan dengan pesatnya. Banyak pengubahsuaian bangunan telah dilakukan untuk melicinkan berbagai-bagai perkhidmatan baru yang diperkenalkan. Di antara perkara-perkara penting yang telah dilakukan ialah:

1. Pengubahsuaian bangunan Pusat Kesihatan Pelajar
2. Rancangan Pembasmian Malaria
3. Pembersihan parit dan taliair
4. Kajian Makmal Kebersihan Asrama-asrama dan Kajian Makmal terhadap Tukang Masak dan Pelayan Dapur.
5. Kajian Makmal ke atas Kantin UPM
6. Ceramah Kesihatan dan Pengajian Pertolongan Cemas

### **Jumlah Pesakit Bagi Tahun 1981 Mengikut Jenis Penyakit**

Dalam jangkamasa 12 bulan didapati kes-kes batuk, selsema dan pernafasan yang banyak sekali (respiratory tract infection). Kira-kira 5,391 jumlah kes ini dirawat iaitu 33.7%. Inilah yang paling banyak tiap-tiap bulan. Pada keseluruhannya para siswalah yang paling banyak dihinggapi oleh penyakit ini. Ini mungkin disebabkan siswa banyak merokok. Sebanyak 1,873 atau 11.7% daripada pesakit yang datang ke Klinik UPM terdiri daripada mereka yang mengidap penyakit kulit. Penyakit ini boleh

disebabkan oleh bahan-bahan kimia, makanan atau alam sekitar. Kebersihan yang kurang dijaga boleh menyebabkan seseorang mendapat penyakit kulit.

Sebanyak 2,260 atau 14.1% daripada mereka yang mendapat rawatan adalah dari mereka yang mendapat kecederaan kemalangan semasa bersukan dan kemalangan jentera atau mesin yang digunakan oleh pekerja-pekerja semasa menjalankan tugas seperti mesin rumput, bajak dan mesin kelapa. Untuk kes-kes seperti ini ada kalanya luka itu perlu dijahit dan pesakit diminta datang tiap-tiap hari untuk mencuci luka-luka tersebut. Semua kes-kes kemalangan akan diberi suntikan untuk mengelakkan sakit kancing gigi.

### **Lain-lain Rawatan bagi Tahun 1981**

Di sepanjang tahun 1981, seramai 80 orang telah dimasukkan ke wad di Pusat Kesihatan pelajar UPM.

Jenis-jenis penyakit yang dirawat dalam wad di Pusat Kesihatan Pelajar UPM adalah seperti ophthalmology, G.I.T., psychiatrist, Infectious diseases, U.R.T.I., orthopaedic & traumatology, hypertension, dan asthmatic.

### **Unit Kebudayaan**

Seperti biasa kegiatan-kegiatan kesenian/kebudayaan bermula pada Minggu Suka-kenal di mana pelajar-pelajar mempersembahkan 'Senandung Orientasi'.

Demonstrasi seni silat diadakan sebagai satu acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh persatuan seni silat dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar.

Acara-acara kesenian/kebudayaan dipersembahkan selama 5 hari sepanjang minggu Pesta Konvokesyen. Pelajar-pelajar Persatuan Seni Mempertahankan Diri turut mengambil bahagian di upacara perasmian pesta/expo dan Majlis Perasmian EXPO Alam Sekitar.

Pelajar-pelajar juga turut menjayakan Pesta Konvo ITM dan mewakili UPM ke Simposium Seni Tari Melayu di USM Pulau Pinang di mana persembahan tarian melayu telah diadakan oleh pelajar-pelajar UPM.

Unit Kebudayaan berusaha mencari dan mengumpulkan alatan budaya yang berkaitan dengan pertanian ke arah menubuhkan sebuah muzium mini.

### Unit Sukan

Dalam usaha untuk meningkatkan kegiatan sukan pelajar, universiti telah mendirikan sebuah bangunan baru, iaitu Bangunan Pusat Rekreasi. Bangunan ini digunakan juga sebagai Pejabat Unit Sukan.

Kegiatan sukan pelajar dibahagikan kepada kegiatan dalam kampus seperti sukan antara kolej kediaman, sukan Minggu Suaikenal, sukan konvokesyen dan lain-lain lagi. Kegiatan luar kampus seperti sukan pelajar antara universiti/institusi pengajian tinggi. Kegiatan sukan juga melibatkan pertandingan-pertandingan di dalam dan luar kampus serta olahraga.

## PENYELIDIKAN

Penyelidikan adalah satu daripada 3 objektif utama Universiti Pertanian Malaysia.

Selaras dengan aspirasi kebangsaan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi negara melalui pembangunan teknologi, Universiti Pertanian Malaysia menekankan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah penyelesaian masalah-masalah. Penumpuan tenaga adalah kearah penyelidikan-penyelidikan yang bersifat multi-disiplinari, kolaboratif dan penyelesaian masalah, asas dan guna, bagi tujuan mendapatkan kegunaan sumber yang optima dan menggalakkan pertukaran idea-idea.

Penyelidikan juga digalakkan bertujuan menguatkan pengajaran untuk mencapai mutu akademik yang tertinggi.

### PEMBIAYAAN PROJEK PENYELIDIKAN

Selaras dengan Dasar Penyelidikan Universiti serta tema-tema penyelidikan yang telah ditetapkan, Jawatankuasa Penyelidikan telah membiayai sebanyak 264 projek penyelidikan bagi tahun 1981. Pecahan jumlah projek mengikut fakulti ialah:-

Fakulti Ekonomi Sumber Dan Perniagaantani	—	25
Fakulti Kedokteran Veterinar dan Sains Peternakan	—	34
Fakulti Kejuruteraan Pertanian	—	13
Fakulti Pengajian Pendidikan	—	19
Fakulti Perhutanan	—	15
Fakulti Perikanan dan Sains Samudra	—	15
Fakulti Pertanian	—	95
Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar	—	39
Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan	—	9
		264

Selain daripada projek-projek yang dibiayai oleh Universiti ini, beberapa projek penyelidikan juga telah dijalankan atas bantuan luar. Badan-badan utama yang membiayai penyelidikan-penyelidikan ini termasuklah IFS, FAO, IDRC, UNESCO, UNFPA - daripada luar negeri. Badan-badan pembiayaan daripada dalam negeri pula termasuklah Jabatan Pertanian, FIMA, KEMAS, RISDA, DUNLOP, BAYER, dan lain-lain lagi.

## PRESTASI PENYELIDIKAN

Bagi tahun 1981 daripada sebanyak 264 projek yang telah dijalankan, sebanyak lebih kurang 74 projek dijangka akan tamat. ini termasuklah beberapa projek yang telah dimulakan sejak tahun 1980.

Bagi tahun ini juga jumlah penerbitan daripada penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan akan turut bertambah. Selain daripada penerbitan-penerbitan sebanyak 8 tesis peringkat Master dan Kedoktoran telah pun selesai pada tahun 1981 dan sebanyak 20 tesis lagi adalah dalam proses persediaan.

Pada tahun 1981 ini juga, satu rekaan baru telah dapat dihasilkan. Ini adalah dalam bentuk 'Thresher for peanut' oleh Fakulti Kejuruteraan Pertanian. Pelan-pelan rekaan dan 'design' ini telah pun diserahkan oleh pihak Universiti kepada kerajaan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang pada bulan November 1981.

Pada tahun 1982, sebanyak 2 rekaan penyesuaian dijangka akan dapat disiapkan.

Rekaan-rekaan tersebut ialah 'dumprtruck' bagi mengangkut hasil-hasil kelapa sawit dan juga satu 'Windmill' bagi menjana kuasa elektrik.

Selain daripada itu Fakulti Sains Samudra dan Pengajian Alam Sekitar juga telah berjaya menjalankan satu penyelidikan yang hasilnya sedang dalam proses dipatenkan. Ini adalah projek penyediaan 'Supported Metal Catalyst by Electrodeposition' Rekaan ini adalah mengenai teknik baru dan prosesnya adalah seakan-akan sama seperti proses penyediaan 'activated carbon under reduced pressure' yang mana paten baginya telah pun dipohon pada tahun 1980 di bawah 'The British Patent Application no. 80.32594. Sekiranya teknik baru ini juga dapat dipatenkan, ia akan merupakan satu ciptaan pertama di Malaysia dan dijangka dapat menolong aktiviti perindustrian di-Malaysia.

Fakulti Pertanian juga telah pun berjaya mengendalikan beberapa projek dengan kejayaan. Projek Pemeliharaan tauan dijangka dapat memberi keputusan-keputusan yang baik. Projek Vascular Streak Disease (VSD) juga berjalan dengan baik dan hasil-hasil kajian ini untuk kali pertamanya di-Malaysia, dijangka dapat membasmi penyakit ini dan menyumbangkan kejayaan yang besar terhadap penanaman koko di-Malaysia. Projek-projek lain yang berjalan dengan lancar termasuklah projek jagong Bakti I, pembaikipulih tanah bekas lombong, projek rempah, padi, tanaman penghiasan, mangga dan buah-buahan serta juga projek kegunaan tenaga suria untuk pemerosesan makanan.

## FAKULTI PERTANIAN

### DEKAN:

Dr. Mohd. Khalid Mohd. Nor, Dip. Agric. (Malaya), B.S. (Louisiana State), M.S. (Louisiana State), Ph. D. (Cornell).

### PENDAHULUAN:

Tahun pengajian 1981 menandakan mulanya program Diploma Profesyenal Teknologi dan Pengurusan Perladangan yang berbentuk modul. Program ini dimulakan dengan lima orang pelajar. Dari segi pentadbiran pula Fakulti mengalami satu pengalaman "perpindahan" hasil dari perkembangan Universiti. Jabatan Sains dan Teknologi Makanan telah dinaikkan tarafnya kepada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan pada 1hb. Mac, 1982. Puan Asiah Mohd. Zain, dahulunya Ketua Jabatan berkenaan, telah dilantik sebagai Dekan pertama, Fakulti baru ini. Kami ucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Dekan dan Fakulti yang baru.

### KAKITANGAN

#### Jumlah Kakitangan

Jabatan	Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D
Pejabat Dekan	1	—	6	4
Agronomi dan Kulturakebunan	47	2	27	18
Sains Tanah	30	3	26	23
Perlindungan Tumbuhan	25	1	17	11
JPPM	26	—	8	15
<b>JUMLAH</b>	<b>129</b>	<b>6</b>	<b>84</b>	<b>71</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>290</b>

### PERLANTIKAN BARU

Asiah bte. Malek dilantik sebagai pensyarah pada 1hb. September 1981.

Ghizan Salleh dilantik sebagai tutor pada 29hb. Jun 1981.

Wan Halawah Wan Hariri dilantik sebagai tutor pada 20hb. Ogos 1981.

Cik Radziah bt. Othman dilantik sebagai tutor pada 2hb. Januari 1982.

Dr. Paramanathan s/o Selliah dilantik sebagai Prof. Madya pada 1hb. Februari 1982.

Puan Azizah bt. Hashim berpindah dari Jabatan Biokimia ke Jabatan Sains Tanah sebagai pensyarah pada 1hb. Februari 1982.

En. Mohd. Noor bin Shamsuddin dilantik sebagai pensyarah sementara pada 21hb. November, 1981 dan telah dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri pada 1hb. Februari 1982.

Cik Laily Hj. Paim dilantik sebagai tutor pada 12 Oktober 1981 dan bertugas di UPM Sarawak pada 1hb. November 1981.

Cik Norisam Abdul Aziz dilantik dilantik sebagai tutor pada 7hb. Disember 1981 dan bertugas sebagai Guru Tadika.

Puan Rozumah Baharudin dilantik sebagai pensyarah pada 11hb. Januari 1982.

Puan Petri Zabariah Megat Abdul Rahman dilantik sebagai pensyarah pada 1hb. Mac 1982.

Cik Poh Siang Choo dilantik sebagai tutor pada 1hb. April 1982 dan bertugas di UPM Sarawak pada 15hb. Mei 1982.

Puan Jamilah Bakar dilantik sebagai pensyarah pada 3hb. Januari 1981.

Dr. Suhaila Mohamad dilantik sebagai pensyarah pada 1hb. April, 1981.

En. Badlishah Sham Baharin dilantik sebagai tutor pada 13hb. Ogos 1981.

En. Russly Abd. Rahman dilantik sebagai tutor pada 12hb. Ogos 1981.

### **KENAIKAN PANGKAT**

En. Abdul Jabar bin Mohd. Kamal telah dinaikkan pangkat ke jawatan Prof. Madya pada 1hb. Oktober, 1981.

Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak telah dinaikkan pangkat dari pensyarah kepada Prof. Madya pada 1hb. Oktober, 1981.

### **PERLETAKAN JAWATAN**

Wan Halawah Wan Hariri telah meletakkan jawatan pada 1hb. November 1981.

Lim Kim Huan, pensyarah Fizik Tanah, meletakkan jawatan pada 31hb. Disember 1981 untuk bertugas sebagai ahli Agronomi di Sime Darby Plantations.

Yew Jin Aun, pembantu pertanian, meletak-

kan jawatan pada 31hb. Januari 1982.

Norisam Abdul Aziz, tutor, meletakkan jawatan pada 1 April, 1982 dan berkhidmat dengan Jabatan Perpaduan Negara.

Munusamy Padavatan telah meletakkan jawatan sebagai pensyarah pada 26hb. Jun 1981.

### **CUTI BELAJAR**

Khalip Raffar, pensyarah mengikuti kursus M.Sc di University Western, Australia selama 4 tahun.

Wan Mohd. Othman, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di University of Queensland, Australia selama 4 tahun.

Hassan Mohd. Rashid, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di Universiti Pertanian Malaysia selama 3 tahun.

Rajan Amarthalingam, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D. di University of New England, Australia selama 3 tahun.

Siti Hajar Ahmad, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di University of Iowa State, USA selama 3 tahun.

Surjit Singh, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di UPLB Philippines daripada 1hb. November 1981 hingga 31hb. Oktober 1984.

Said Saad, tutor, mengikuti kursus M.Sc. di Wisconsin, USA daripada 1hb. April 1981 hingga 31hb. Mac 1983.

Hassan Mad, tutor, mengikuti kursus M.Sc. di Wye College, U.K. daripada 1hb. November 1980 hingga 31hb. Mei 1982.

Ghizan Salleh, tutor, mengikuti kursus M.Sc. di Wisconsin, USA daripada 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1983.

Dr. Chin Hoong Fong, Professor, cuti sabatikal, luar/dalam negeri daripada 1hb. Ogos 1981 hingga 30hb. April 1982.

Dr. Yap Thoo Chai, Prof. Madya, cuti sabatikal, di Nat. Inst. Genetics, Japan daripada 1hb. february 1982 hingga 31hb. Oktober 1982.

Mohd. Hanafi bin Musa, tutor, mengikuti kursus M.Sc. dalam bidang Kimia Tanah di State University of Ghent mulai Oktober 1980 hingga September 1982.

Mohd. Khanif bin Yusof, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D dalam bidang Kimia Tanah di State University of Ghent mulai 30hb. September 1979 hingga Ogos 1982.

Mohd. Mokhtaruddin bin Abdul Manan, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di State University of Ghent dalam bidang Fizik Tanah dari 18hb. November 1979 hingga September 1982.

Nik Mokhtar Nik Wan, pensyarah, mengikuti kursus Ph.D di State University of Ghent mulai 1hb. Oktober 1978 hingga 30hb. September 1981 dalam bidang Genesis Tanah.

Shamsuddin Jusop, menjalani pengajian Ph.D. dalam bidang Pedologi di State University of Ghent daripada 1hb. Oktober 1980 hingga 31hb. September 1982.

Zaharah bt. Abdul Rahman, bercuti belajar di State University of Ghent bagi menyelesaikan kursus Ph.D-dalam bidang Kimia Tanah pada 1hb. Januari 1982 hingga 1hb. Julai 1982.

Rosli Mohamad, pensyarah, mengikuti kursus lanjutan Ph.D di Simon Fraser University, Canada mulai dari Januari 1980 hingga Disember 1982 dalam bidang Toxicology.

Noorma Osman, pensyarah, mengikuti kursus lanjutan Ph.D di Kansas State University, Amerika Syarikat mulai Januari 1981 hingga Disember 1982 dalam bidang Entomologi.

Kamaruzaman bin Sijam, tutor, mengikuti kursus lanjutan Ph.D di University of Missouri-Columbia. Amerika Syarikat mulai dari Januari 1979 hingga Disember 1981

dalam bidang Phytobacteriology.

Abd. Ghani bin Ibrahim, pensyarah, mengikuti kursus lanjutan Ph.D di University of London, United Kingdom mulai dari Oktober 1980 hingga September 1983 dalam bidang Entomologi - Biocontrol.

Bong Choon Fah, tutor, mengikuti kursus lanjutan M.S. di Mississippi State University mulai dari Januari, 1981 hingga Disember, 1982 dalam bidang Entomologi.

Azizah Osman, mengikuti kursus M.Sc. di University of New South Wales, Australia di dalam bidang Food Technology.

Dzulkifli Mat Hashim, mengikuti kursus M.Sc. di University of Leeds, United Kingdom di dalam bidang Food Engineering.

Mohamad Ismail Abdul Karim, mengikuti kursus Ph.D. di University of Arkansas, USA di dalam bidang Fermentation Technology.

## PERKARA-PERKARA AKADEMIK

### Program Baru

Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Perladangan.

### Pemeriksa Luar

**Prof. Irena Beavers** dari Iowa State University, pemeriksa luar bagi program Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumahtangga) dan Bachelor Sains (Pembangunan Manusia) Sessi 1981/82 dan berkhidmat pada 15hb. Mac 1982.

**Prof. Ron Edwards** dari University of New South Wales, Australia telah dilantik sebagai pemeriksa luar buat kali kedua. Kali ini beliau menjalankan tugasnya dengan memeriksa kertas-kertas jawapan dan thesis penuntut di tempat beliau bekerja.

### Program IUC

**Dr. A.J. Taylor** seorang pensyarah dari University of Nottingham, United Kingdom

sedang berkhidmat di Jabatan ini untuk 3 bulan bermula dari 16hb. November 1981 hingga 12hb. Februari 1982.

### **Ijazah Lanjutan**

Adelina Mustapha, mengikuti kursus M.Sc. 'A study on the nutritional and functional properties of winged bean'.

Faridah Aziz, mengikuti kursus M.Sc. 'A study on quality characteristics of cocoa beans in relation to chocolate flavour'.

Ismail Abdullah, mengikuti kursus Ph.D 'The effect of freezing and frozen storage on the Quality of Malaysian fish'.

Munusamy Padavatan, mengikuti kursus Ph.D, 'Biochemistry of post harvest cocoa'.

Yeoh Chong Hoe, mengikuti kursus M.S. di dalam bidang Sains Rumpai.

Sakhibun Mohd. Husin, mengikuti kursus M.S. di dalam bidang Teknologi Biji benih.

Ramlah Mohamad, mengikuti kursus M.S. di dalam bidang Fisiologi Pemakanan Tumbuh-tumbuhan.

Nuraini Ibrahim, mengikuti kursus M.S. di dalam bidang Kulturakebunan.

Lam Peng Fatt, mengikuti kursus M.Sc. di dalam bidang Fisiologi lepas tuai.

Khelikuzaman Meera, mengikuti kursus M.Sc. di dalam bidang Biometri.

Wong Kai Choo, mengikuti kursus Ph.D. di dalam bidang Pengeluaran tanaman.

Hor Yue Luan, mengikuti kursus Ph.D. di dalam bidang Teknologi Bijibenih.

Ahmad Zarin Mat Tasi, mengikuti kursus M.Sc. di dalam bidang Fisiologi tanaman.

Ismail Hj. Hashim, mengikuti kursus Ph.D. di dalam bidang Fisiologi tanaman.

Hassan Rashid, mengikuti kursus Ph.D. di dalam bidang Kulturakebunan.

Abdul Rahman Sarkar, mengikuti kursus Ph.D. di dalam bidang Agronomi.

Seramai 3 (tiga) orang mendaftar diri untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah Fakulti Pertanian di mana 2 (dua) orang di peringkat Ph.D. dan 1 (seorang) diperingkat M.S.

### **SEMINAR YANG DIADAKAN DI FAKULTI**

#### **SEMINAR DAN KURSUS PENDEK**

**Seminar on Nitrogen in Malaysia Agriculture**, peringkat Kebangsaan pada 29hb. hingga 30hb. Mac, 1982 di Universiti Pertanian Malaysia di bawah anjuran bersama Universiti Pertanian Malaysia dan Persatuan Sains Tanah Melayu dan dihadiri oleh 170 orang peserta.

**Kursus Analisis Tanah dan Tumbuhan**, pada 12hb. hingga 24hb. April, 1982 di Jabatan Sains Tanah, anjuran Jabatan Sains Tanah dan disertai oleh 34 orang peserta.

#### **SEMINAR YANG DIADAKAN DI JABATAN**

**Seminar on cocoa pest and disease in the Department of Plant Protection, UPM** (Peringkat Kebangsaan) diadakan pada 20hb. November, 1981 dan disertai oleh 100 orang peserta.

**Seminar terbuka 'Tanaman Mangga di Malaysia'** (Peringkat Kebangsaan) diadakan pada 30hb. September, 1981.

**Kursus penggunaan Racun Perosak untuk Pembantu Makmal Ladang** (Peringkat Universiti) diadakan pada 26hb. hingga 27 April, 1982. Peserta berjumlah 12 orang.

**Kursus pendek Pemeliharaan Lebah Madu** (Peringkat Kebangsaan) diadakan pada 20hb. April hingga 2hb. Mei, 1981. Peserta berjumlah 15 orang.

**SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH  
PEGAWAI-PEGAWAI FAKULTI PERTANIAN**

Abdul Halim Hashim, Dr. Mok Chak Kim dan Shahbudin Mohd. Fiah menghadiri **Persidangan Antarabangsa The Oil Palm in Agriculture in the Eighties** anjuran I.S.P & PORIM pada 17hb. hingga 20hb. Jun 1981 di Kuala Lumpur.

Abdul Halim Hashim, Dr. Wan Chee Keong dan Mohd. Ridzwan Abd. Halim menghadiri **Persidangan Peladang 1981** anjuran RRIM pada 19hb. hingga 21hb. Oktober 1981 di Kuala Lumpur.

Abdul Halim Hashim, Dr. Raja Muhammad Raja Harun, Rita Mohamad, Dr. Sariah Meon dan Shahbudin Mohd. Fiah menghadiri **Seminar Teknologi Koko Masakini** anjuran MARDI pada 11hb. hingga 13hb. November 1981 di Telok Intan, Perak.

Prof. Chin Hoong Fong dan Sabudin Mohd. Ali menghadiri **8th Asian Pacific Weed Science Conference**, anjuran Asian Pacific Weed Science Society pada 22hb. hingga 29hb. Nvovember 1981 di Bangalore, India.

Prof. Chin Hoong Fong menghadiri **Workshop Ecological Basis for Rational Resource Utilization in the Humid Tropic**, anjuran UPM, MAB, UNESCO pada 18hb. hingga 22hb. Januari 1982 di UPM, Serdang.

Seramai 15 orang pegawai akademik Fakulti Pertanian menghadiri **Seminar Nitrogen Dalam Pertanian di Malaysia**, anjuran Persatuan Sains Tanah Malaysia dan UPM pada 29hb. hingga 30hb. Mac 1982 di Serdang.

Seramai 18 orang pegawai akademik Fakulti Pertanian menghadiri **Seminar World Food Day - Tingkatkan Pemikiran Mengenai Makanan** anjuran UPM dan Kementerian Pertanian pada 16hb. Oktober 1981 di UPM, Serdang.

Abdul Halim Hashim, En. Daun Chinta, Shahbudin Mohd. Fiah, Prof. Chin Hoong

Fong menghadiri **persidangan Kelapa Nasional** anjuran MARDI pada 25hb. dan 26hb. Mei 1982 di Kuala Lumpur.

Seramai 19 orang pegawai akademik menghadiri **International Conference on Plant Protection in the Tropics**, anjuran MAPPS pada 1hb. hingga 4hb. Mac 1982 di Kuala Lumpur.

Dr. Idris Zainal Abidin, Hiriyati Abdullah, Tan Yee How dan Dr. Zulkifli Hj. Shamsudin menghadiri **Fourth Malaysian Microbiology Symposium** anjuran MSM pada 17hb. hingga 19hb. Ogos 1982 di UKM, Bangi.

Dr. Khalid Mohd. Nor, menghadiri **Bengkel Pengurusan Penyelidikan bagi Kemajuan Pertanian** anjuran bersama Fakulti Ekonomi Sumber dan Persatuan Ekonomi Pertanian pada 16hb. September 1981 di UPM, Serdang sebagai Pengerusi sesi.

Dr. Khalid Mohd. Nor, Dr. Khoo Khay Chong, Dr. Rohani Ibrahim dan Tan Yee How menghadiri **Seminar Perosak dan Penyakit Tanaman Koko** anjuran JPT di UPM pada 20hb. November 1981.

Prof. Mohd. Zain Hj. Abd. Karim menghadiri **AAACU Seminar Workshop on Intergrating Post-harvest Technology with Agriculture** pada 8hb. hingga 14hb. November 1981 di Bangkok. Telah membentang kertas kerja 'Introducing postharvest technology into agriculture curriculum.'

Saleh Kadzimin, menghadiri **Symposium on Orchidology** pada bulan Julai 1981 di Singapura.

Saleh Kadzimin, menghadiri **Fourth Asean Orchid Congress** pada bulan Februari 1982 di Manila, Filipina.

Sayed Mohd. Zain Sayed Hassan, menghadiri **Seminar dan kursus Plant Exphorations and Collection Techniques** anjuran IBPGR/ICAR pada 1hb. hingga 29hb. Mac 1982 di New Delhi.

Dr. Abdul Rahman Razak menghadiri **3rd.**

**Asian Root-knot Nematode Conference** anjuran International Meloidogyne Project pada 20hb. hingga 24hb. Julai 1981 di Jakarta, Indonesia.

Dr. Abdul Rahman Razak menghadiri **Regional Worksyop on the Preparation of BIOTROP third Five-year Development Plant (1983-1988)** anjuran BIOTROP pada 5hb. hingga 8hb. April 1982 di Bogor, Indonesia.

Dzolkifli Omar menghadiri **Six week Training Course on Biology of Small Mammals** anjuran BIOTROP pada 12hb. hingga 22hb. April 1982 di Bogor, Indonesia.

Gurchan Singh menghadiri **Mango Varieties of Malaysia** - Public Seminar delivered at Mandarin Hotel, Penang anjuran MAPPs pada 11hb. April 1982.

Latihan Kebun Sayur dijalankan bagi pelajar tertentu di waktu petang setiap hari (5.00 - 6.00 petang). Latihan ini diberikan daripada persediaan batas hingga pungutan hasil. Pelajar-pelajar yang menjalani Kebun Sayur bagi sesi 1981/1982 adalah seperti berikut:

#### Program

Diploma Pertanian	285
Diploma Pembangunan Manusia I	19
Ijazah Pertanian I	19
Ijazah Pendidikan (Pertanian) I	9
<b>JUMLAH:</b>	<b>360</b>

### Ladangkongsi

Ladangkongsi adalah satu Latihan Amali yang dikendalikan oleh Bahagian Ladang khususnya untuk pelajar Diploma Pertanian. Pada dasarnya, pelajar-pelajar dikehendaki menjalani Ladangkongsi ini secara kumpulan. Mereka yang terlibat dalam latihan tersebut bagi sesi 1981/1982 adalah seperti berikut:

Program	Bil Pelajar
Diploma Pertanian II	132
Diploma Pertanian III	119
Ijazah Pendidikan (Pertanian) II	17
<b>JUMLAH:</b>	<b>268</b>

### Latihan Amali Semasa Cuti

Bahagian Ladang telah menjalankan Latihan Amali Semasa Cuti kepada program

seperti berikut:

1. Ijazah Pertanian I	60
2. Ijazah Pendidikan (Pertanian) I	6
3. Ijazah Pendidikan (Pertanian) II	17
4. Ijazah Perikanan I	22

JUMLAH: 105

#### SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI LADANG

Haji Mohd. Isa b. Abu menghadiri **Persidangan IAD/MF Powerpart** anjuran Industrial Agricultural Distributors Sdn. Bhd., pada 17 hb. hingga 19hb. Julai 1981 di Pulau Pinang.

Ismail b. Sulong menghadiri **Persidangan Kebangsaan Pembangunan Perusahaan-Perusahaan Berasaskan Sumber** anjuran UPM pada 10hb. hingga 12hb Ogos 1981 di UPM, Serdang.

Abd. Ghani b. Yunus menghadiri **Conference On Phosphorus And Potassium In The Tropics** anjuran Malaysian Society of Soil Science pada 17hb. hingga 19hb Ogos 1981 di Kuala Lumpur.

Ismail b. Idris menghadiri **Persidangan Exotic And Crossbred Livestock Performance In Malaysia** anjuran Kesatuan Produksi Haiwan Malaysia (MSAP) pada 11hb hingga 12hb. September 1981 di Genting Highlands.

Sheikh Awadz b. Sheikh Abdullah, Zaabar b. Mahbat dan Ismail b. Sulong menghadiri **Persidangan Peladang 1982** anjuran Institut Penyelidikan Getah Malaysia pada 19hb. hingga 21hb. Oktober 1981 di Kuala Lumpur.

Sheikh Awadz b. Sheikh Abdullah, Wong Sun Wah, Zaleha bt. Ujang dan Haw Ah Kam menghadiri **Symposium On Vegetables And Ornamentals In the Tropics** anjuran UPM pada 27hb. hingga 28hb. Oktober 1982 di UPM, Serdang.

Zaabar b. Mahbat dan Mat Jamil b. Abd. Rahman menghadiri **Seminar Koko** anjuran MARDI pada 11hb. hingga 13hb. November 1981 di Hilir Perak.

Dr. Idris bin Abdul menghadiri **Seminar O & M (Organization And Methods) di Universiti-Universiti** anjuran Universiti Malaya pada 6hb. hingga 7hb. Januari 1982 di Kuala Lumpur.

Dr. Idris b. Abdol menghadiri **Seminar Current World Food Situation** anjuran UPM pada 25hb. Februari 1982 di UPM, Serdang.

Wan Jaharah bt. Wan Ngah dan Abd. Ghani b. Hashim menghadiri seminar **Nitrogen Dalam Bidang Pertanian Malaysia** anjuran UPM pada 29hb. hingga 30hb. Mac 1982 di UPM, Serdang.

Dr. Idris b. Abdol, Zaabar b. Mahbat dan Wong Sun Wah menghadiri **Persidangan Kebangsaan Kelapa 1982** anjuran MARDI pada 25hb. hingga 26hb. Mei 1982 di Kuala Lumpur.

#### Kursus Yang Dihadiri Oleh Pegawai

Abdul Jamil b. Ishak dan Zaleha binti Ujang menghadiri modul getah dalam **Kursus Diploma Profesional Teknologi dan Pengurusan Ladang** pada 9hb. Jun hingga 15hb. Julai 1981 di UPM.

Abu Samah Saaid dan Yaacob b. Zawawi telah menghadiri **Kursus Teknologi Tana-man Koko dan Kelapa** anjuran MARDI pada 1hb. Jun hingga 20hb. Jun 1981 di Stesyen MARDI, Hilir Perak, Teluk Anson.

Ropiee b. Mat dan Mohd. Jamil b. Idris menghadiri **Kursus Meningkatkan Kemahiran Dalam Ketukangan Pembaikan Kereta Motor** anjuran Jabatan Tenaga Rakyat pada 29hb. Jun hingga 30hb. November 1981 di Institute Latihan Perindustrian, Kuala Lumpur.

Norlela bt. Mohd. Yunus, Siti Asiah bt. Husin dan Mohd. Yasin b. Raub menghadiri **Kursus Perkeranian Dalam Perkhidmatan I** anjuran UPM pada 7hb. hingga 9hb. September 1981 di UPM.

Ismail b. Sulong dan Badrain bt. Ibrahim menghadiri **Kursus Komputer Melalui Vi-**

deotape anjuran UPM pada 15hb. hingga 18hb. September 1981.

Jalal Ahmad b. Abdullah menghadiri **Bengkel Teknik Pengurusan Untuk Keberkesanan Organisasi** pada 22hb. hingga 24 Oktober 1981 di UPM.

Badrain bt. Ibrahim menghadiri **Computer Programming** anjuran UPM pada 10hb. hingga 12hb. November 1981 di UPM.

Kamarudzaman dan Wan Jaharah bt. Wan Ngah menghadiri **Kursus Peranan Penyelia Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan** anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia pada 4hb. hingga 6hb. November 1981 di UKM Bangi.

Noor Asma bt. Mohd. Noor, Siti Rohani bt. Hj. Ahmad dan Puan Siti Sarminah bt. Ibrahim menghadiri **Kursus Dalam Perkhidmatan Jurutrenkask II** anjuran UPM pada 30hb. November hingga 4hb. Disember 1981 di UPM.

Sulaiman b. Rahmat dan Abu Hasan Ahmad menghadiri **Kursus Dakwah** anjuran Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri pada 18hb. hingga 22hb. Januari 1982 di Kuala Lumpur.

Abu Hasan Aziz dan Zulkifli Kassim menghadiri **Latihan Meninggikan Kemahiran Dalam Penyelenggaraan Mesin Offset** anjuran Gestetner Malaysia Sdn. Bhd., pada 18hb. hingga 30hb. Januari 1982 di Kuala Lumpur.

Ahmadi b. Sudar menghadiri **Latihan Ilmu Getah Asli** anjuran RRI pada 22hb. Mac hingga 16hb. Jun 1982 di Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Sungai Buluh.

Mohamad b. Abdullah menghadiri **Kursus Teknologi Tanaman Kelapa Koko** anjuran MARDI pada 13hb. Mei hingga 5hb. Jun 1982 di Hilir Perak.

Mohamad b. Abdullah dan Abu Samah b. Saaid menghadiri **Kursus Memproses Koko/Kelapa** pada 8hb. hingga 20hb. April 1982 di Stesyen MARDI, Hilir Perak.

Samudin b. Hj. Abdul Hamid menghadiri **Kursus Teknologi Penanaman Padi** pada 10hb. Mei hingga 19hb. Jun 1982 di Stesyen Penyelidikan MARDI, Bumbong Lima, Seberang Prai.

Ismail b. Sulong menghadiri **Kursus Pendek Pengaturcaraan Komputer** pada 29hb. Mac hingga 2hb. April 1982 di UPM.

Zainal Ariffin b. Dardi dan Encik Mohd. Kamil b. Sallehuddin menghadiri kursus pendek **Analisis Tanah dan Tumbuhan** anjuran UPM pada 12hb. hingga 24hb. April 1982 di Jabatan Sains Tanah, Fakulti Pertanian, UPM.

Norizah bt. Abdullah, Faridah bt. Amin dan Fauziah bt. Mohd. Zin menghadiri **Kursus Jurutaip Dalam Perkhidmatan I** pada 13hb. hingga 16hb. April 1982 di UPM.

Omar b. Osman menghadiri **Kursus Kaji-ukur** anjuran Fakulti Kejuruteraan Pertanian pada 24hb. hingga 29hb. Mei 1982 di UPM.

Abd. Ghani b. Hashim menghadiri **Kursus Pengeluaran Tanaman Menerusi Sistem Haidroponik** anjuran Kyowa Company/UPM pada 15hb. Mac hingga 17hb. April 1982 di Negeri Jepun.

## PELAWAT

Ladang Universiti Pertanian Malaysia sentiasa dikunjungi oleh pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri, dan seramai 4,943 orang pelawat diterima pada sesi 1981 - 82.

Jenis dan Bilangan pelawat disenaraikan seperti berikut:-

Jenit Pelawat	Bilangan Rombongan	Jumlah Pelawat
Sekolah/Institusi/Universiti	79	2,603
Jabatan Kerajaan	16	540
Badan Berkanun	34	1,065
Penduduk Luar Banda	3	115
Persatuan	13	620
Pelawat Luar Negeri	22	—
	167	4,943
	=====	=====

#### Pelawat Luar Negeri

Rombongan En. Nav Raj Khatri - Chetri, dari Nepal, India melawat pada 6hb. hingga 11hb. Julai 1981.

Rombongan Mr. P.B. Hetherington dari London, melawat pada 12hb. Ogos 1981.

Rombongan Dr. Drew Mc Daniel, Asia - Pacific Institute For Broadcasting Development melawat pada 3hb. September 1981.

Rombongan Prof. Dhrew Mc Danial (Ohio State) dari Amerika melawat pada 3hb. September 1981.

Rombongan Mr. E.A. Jones dari United Kingdom melawat pada 24hb. September 1981.

Rombongan Missi Kajian dari New Zealand melawat pada 20hb. Oktober 1981.

Rombongan Dr. Taylor From Nothingham Univ. melawat pada 21hb. November 1981.

Rombongan Prof. Pink, Ohio Univ. U.S.A. melawat pada 30hb. November 1981.

Rombongan HE Mr. Michawl Mansfield - The High Commissioner, New Zealand, melawat pada 20hb. November 1981.

Rombongan Australian High Com. dari Australia melawat pada 9hb. Disember 1981.

Rombongan Pelajar-pelajar Universiti Kuwait pada 28hb. Januari 1982 seramai 40 orang.

Rombongan En. A.J. Dale, U.K. melawat pada 5hb. Januari 1982.

Rombongan dari Univ. Veneses, Austria melawat pada 15hb. Januari 1982.

Rombongan Admiral Karamat Rahmat seramai 6 orang dari Pakistan, melawat pada 19hb. Januari 1982.

Rombongan D.K.C. Grovor, M.A. LL.B. dari India melawat pada 2hb. Januari 1982.

Rombongan Penuntut & Pensyarah dari Sinout Agric Training Centre, Brunei seramai 18 orang melawat pada 5hb. Februari 1982.

Rombongan En. D.K.C. Grovor, India Institute of Technology melawat pada 11hb. Februari 1982.

Canselor Emeritus J. Norman Effesson melawat pada 6hb. Februari 1982.

Mr. Michael Oliver, Director of Association

of Colleges & Universities dari Canada melawat pada 20hb. Februari 1982.

Rombongan Dr. Bowrey, Australia (Pensyarah Pelawat) melawat pada 11hb. Mei 1982.

Rombongan Isteri-isteri Pengerusi Singer dari New York seramai 8 orang melawat pada 15hb. Mac 1982.

Vice President, Engineering Co. USA. melawat pada 20hb. Mei 1982.

### Lawatan Ke Ladang UPM

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Sek. Men. Keb. Batu Laut, K. Langat, Selangor.	27.6.81	74	Selangor
Sek. Men. Jenis Kebangsaan (P), Jalan Ampang, Kuala Lumpur.	20.6.81	80	Kuala Lumpur
Program Induksi Pegawai-Pegawai Sessi Pertama, Universiti Pertanian Malaysia.	25.6.81	—	Selangor
Koperasi Peladang Bachok Utara, Perlis Kubu Besar, Kelantan.	17.6.81	44	Kelantan
Peserta Kursus Kesejahteraan Keluarga dari Pusat Latihan Trolak.	29.6.81	—	Perak
Sek. Men. Tengku Idris Shah, Kapar, Selangor.	24.6.81	—	Selangor
Sek. Men. Jementah, Segamat, Johor.	26.6.81	45	Johor
Peserta-Peserta Kursus Pusat Latihan Pertanian Cheras.	23.6.81	30	Selangor
Peserta-Peserta Bengkel RAMP 2/8, MARDI, Serdang.	25.6.81	35	Selangor
Sek. Men. Bangsar, Lorong Maarof, Bangsar Park, Kuala Lumpur.	27.6.81	—	Kuala Lumpur
Sek. Men. Raja Abdullah, Jalan Kepong, Kuala Lumpur.	13.6.81	—	Kuala Lumpur

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Sek. Men. Convent, Seremban, Negeri Sembilan.	1.6.81	40	Negeri Sembilan
Pegawai-pegawai & Pelatih Kursus Pertanian Am, Pusat Latihan Peladang Air Hitam, Kluang, Johor.	18.6.81	60	Johor
FELDA, Jalan Maktab, Kuala Lumpur.	29.6.81	32	Kuala Lumpur
En. Nav Raj Khatri — Chhetri, Penolong Pendaftar, Instituti Pertanian & Sains Perternakan — Anjuran USAID/MUCIA.	6.7.81 hingga 11.7.81		Nepal, India.
Sek. Men. Jenis Keb, Confucian, Lorong Davison, Kuala Lumpur.	14.7.81	—	Kuala Lumpur
Sek. Men. Seri Gading, Rawang, Selangor.	18.7.81	44	Selangor
Sek. Men. Sg. Pelek, Sepang, Selangor.	30.7.81	47	Selangor
Sek. Men. Jenis Keb. Chung Hwa, Jln. Raya Tirus, Kelang.	21.7.81	100	Selangor
Sek. Men. Chung Hua, Kelang, Selangor.	5.8.81	50	Selangor
Sek. Men. Hamid Khan, Tapah, Perak.	13.8.81	43	Perak
Sek. Men. Khir Johari, Sg. Sumun, Hutan Melintang, Perak.	7.8.81	46	Perak
Petani-Petani Negeri Perlis.	25.8.81	39	Perlis
Mr. P.B. Hetherington (Assistan Secretary General, The Association of Commonwealth Universities).	12.8.81	1	London
Peserta Persidangan Phospotrops	20.8.81	80	—
Institusi Borahan, 340 Jalan Sultan Amar, K. Trengganu, Trengganu.	29.8.81	40	Trengganu

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Dr. Drew Mc Danial, Asia - Pacific Institute For Broadcasting Development.	3.9.81	1	—
Sek. Men. Vokasional (Pertanian) Chemor, Temerloh, Pahang.	9.9.81	55	Pahang
Peserta Asas Akuakultur, Risda, Selangor.	4.9.81	18	Selangor
Institut Pertanian Parit, Titi Gantong, Bota, Perak.	15 & 17.9.81	94	Perak
Umno Caw. Si Rusa, d/a Kg. Baru, Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan.	15.9.81	44	Negeri Sembilan
Maktab Pengurusan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.	19.9.81	40	Perak
Sek. Dato' Hamzah, Pelabohan Kelang, Selangor.	5.9.81	41	Selangor
Penuntut-Penuntut Tahun Pertama, Kejuruteraan Pertanian, UPM.	1.9.81	84	Selangor
Felda Johor Timur, PS 736, Johor Bahru, Johor.	23.9.81	40	Johor
Felda Bukit Jalor, Gemas, Negeri Sembilan.	22.9.81	44	Negeri Sembilan
Sek. Men. Jenis Keb. (1) St. John's Institution, Secondary, Kuala Lumpur.	26.9.81	—	Kuala Lumpur
FELDA Kg. L.B. Johnson, Seremban, Negeri Sembilan	22.9.81	40	Negeri Sembilan
Sek. Keb. Segambut, P. Pos Sentul, Kuala Lumpur.	19.9.81	45	Kuala Lumpur
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, Lencong Barat, Alor Setar, Kedah	16.9.81	42	Kedah

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Umno Caw. Si Rusa, d/a Kg. Baru Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan.	18.9.81	44	Negeri Sembilan
Sek. Men. Perempuan, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur.	24.9.81	82	Kuala Lumpur
Sek. Men. Teknik, Bukit Piatu, Melaka.	26.9.81	82	Melaka
Lembaga Penasihat & Ahli-Ahli Persekutu Akademik, Fakulti Pertanian, UPM.	14.9.81	—	Selangor
Lembaga Kemajuan Pertanian Alor Setar, Kedah.	25.9.81	40	Kedah
Sek. Men. Jenis Keb. (1). St. John's Institution, Secondary, Kuala Lumpur.	26.9.81	—	Kuala Lumpur
Sek. Rendah Keb. Methodist, Sg. Pelak, Sepang, Selangor.	31.9.81	25	Selangor
Prof. Dhrew Mc Danial (Ohio State).	3.9.91		Amerika
Mr. E. A. Jones.	24.9.81		United Kingdom
Kursus Pendidikan Kesihatan/ Pemakanan, K. Selangor, d/a Sek. Keb. Assam Jawa, Bukit Rotan, Selangor.	3.10.81	40	Selangor
Pusat Tempatan, Pendidikan Kesihatan dan Makanan D/Rembau Sek. Keb. Undang, Rembau, Negeri Sembilan.	3.10.81	36	Negeri Sembilan
Sek. Men. Alang Iskandar, Bagan Serai, Perak.	24.10.81	40	Perak
Sek. Men. Jementah, Segamat, Johor.	24.10.81	45	Johor
Sek. Men. (P) Bandaraya, Jln Davis, Kuala Lumpur.	28.10.81	—	Kuala Lumpur

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Sek. Men. Sains Selangor, Jln. Cheras, Kuala Lumpur.	17.10.81	42	Kuala Lumpur
Pengurus & Pembantu Asrama UTM	5.10.81	—	Kuala Lumpur
Bahagian Pelajaran Teknik & Vokasional, Kem. Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.	14.10.81	2	Kuala Lumpur
Felda Wilayah Pahang Timur, Kuantan, Pahang.	16.10.81	40	Pahang
Sek. Men. Dengkil, Dengkil, Kajang, Selangor.	28.10.81.	49	Selangor
Sek. Men. Bangsar, Taman Bangsar, Kuala Lumpur.	31.10.81	—	Kuala Lumpur
Jabatan Pertanian, Sg. Besar, Sabak Bernam, Selangor.	17.10.81	40	Selangor
Jabatan Penerangan Perak, Bukit Gantong, Ipoh, Perak.	20.10.81	43	Perak
Missi Kajian dari New Zealand	22.10.81	—	New Zealand
Sek. Men. Jenis Keb. (1) St. John Institution, Secondary, Kuala Lumpur.	31.10.81	—	Kuala Lumpur
Sek. Men. Tengku Afzan, Jln Alor Akar, Kuantan, Pahang.	20.11.81	27	Pahang
Sek. Keb. Banggor Belimbing, Lenggong, Perak.	17.11.81	—	Perak
Sek. Rendah Keb. Kg. Tunku, Petaling Jaya.	5.11.81	104	Selangor
Sek. Sri Inai, Kuala Lumpur	3.11.81	84	Kuala Lumpur
Sek. Rendah Sri Adika Raja, Gerik, Perak.	16.11.81	60	Perak
Jab. Pertanian Negeri Selangor	2 & 16.11.81	40	Selangor

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Jab. Pertanian Negeri Selangor	10.11.& 18.11.81	40	Selangor
Sek. Men. K.G.V. Seremban, N.S.	7.11.81	—	Negeri Sembilan
Sek. Men. Raja Abdullah, Jalan Kepong, Kuala Lumpur.	5.11.81	45	Kuala Lumpur
Felda Melati, Bandar Pusat Jengka, Pahang.	9.11.81	45	Pahang
Jabatan Pertanian Negeri Perlis	19.11.81	21	Perlis
Jabatan Pertanian Negeri Pahang	17.11.81	15	Pahang
Pegawai Majlis Daerah Kota Bharu, Kelantan.	17.11.81	10	Kelantan
Jabt. Penerangan Perak, Bukit Gantong, Ipoh, Perak.	27.11.81	43	Perak
Sek. Men. Sedia Raja Rembau, Negeri Sembilan.	25.11.81	—	Negeri Sembilan
Persatuan Pandu Putri Malaysia — Sempena Jambori Kebangsaan.	11.12.81	200	—
Dr. Taylor From Notingham Univ.	21.11.81		
Prof. Pink. Ohio, Univ.	30.11.81		
HE Mr. Michael Mansfield— The High Commissioner, New Zealand.	20.11.81		
M. Muniandy, Changkat Kuning, Ayer Tawar, Perak.	10.12.81	44	Perak
Sek. Men. Jenis Keb. AVS Maria Convent, Ipoh, Perak.	11.12.81	45	Perak
Sek. Keb. Sagil Estet, Tangkak, Johor.	2.12.81	63	Johor
Caw. Felda Lasah, Sg. Siput (U), Perak.	28.12.81	—	Perak

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Sek. Agama Men. Rendah, Pekan Tanjong Karang, Selangor.	19.12.81	50	Selangor
Institusi Pertanian Titi Gantong, Bota, Perak.	8.12.81	62	Perak
Jabatan Pertanian, Ipoh, Perak.	10.12.81	40	Perak
RISDA, Jln. Ampang, K.Lumpur.	5.12.81	48	Kuala Lumpur
Penuntut Ijazah Sains & Pendidikan, UPM.	9.12.81	120	Selangor
Sek. Men. Tasek Utara, Johor Bahru, Johor.	22.12.81	43	Johor
Jab. Penerangan Malaysia, Wilayah Persekutuan, Jln. Tun Perak, Kuala Lumpur.	4.12.81	40	Kuala Lumpur
Jab. Penerangan Perak, Bukit Gantong, Ipoh, Perak.	12.12.81	43	Perak
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda Alor Setar, Kedah.	22.12.81	38	Kedah
Lembaga Pertubuhan Peladang. Negeri Kedah.	22.12.81	40	Kedah
Nadwah Kepimpinan Islam SBP 1981, Kolej Islam Kelang, Selangor.	29.12.81	45	Selangor
Australian High Com.	9.12.81		Australia
Jab. Pertanian Negeri Selangor	11.1.81	35	Selangor
Peserta Woksyop "Mad And UNESCO Workshop, on Ecological Basis for Rational, Resource Utilization In Hamid Tropics of Southeast Asia"	22.1.81	25	—
Pelajar-Pelajar Universiti Kuwait	28.1.81	40	Kuwait
En. A,J, Dale, U.K.	5.1.82		U.K.

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Rombongan dari Univ. Veneses, Australia.	15.1.82		
Admiral Karamat Rahmat	19.1.82	6	Pakistan
D.K.C. Grovor, M.A. LL.B	2.1.82	—	India
Penuntut & Pensyarah drp, Sinout Agric Training Centre, Brunei.	5.2.82	18	Brunei
En. D.K.C. Grovor, India Institute of Technology Canselor Emeritus J. Norman Effesson.	11.2.82 6.2.82	1	
Mr. Michael Oliver, Director of Association of Colleges & Universities.	20.2.82	1	Canada
Sek. Men. Vokesenal (Pertanian) Chemor, Temerloh, Pahang.	17.3.82	93	Pahang
Sek. Men. Bangsar, Lorong Maarof I, Kuala Lumpur.	16.3.81	37	Kuala Lumpur
Sek. Seri Putri, Jln. Kolam Air, Kuala Lumpur.	13.3.82	—	Kuala Lumpur
Sek. Men. La Salle, Persiaran Raja Muda Musa, Kelang.	17.3.82	90	Selangor
Sek. Men. Jinjang, Kuala Lumpur	13.3.82	—	Kuala Lumpur
Sek. Men. Rantau, Jln. Linsan, Rantau, Negeri Sembilan.	27.3.82	40	Negeri Sembilan
Jab. Pertanian N. Selangor, Shah Alam. Selangor.	25.3.82	27	Selangor
Sek. Men. Simpang Pertang, Batu Satu, K. Pilah. N. Sembilan.	30.3.82	—	Negeri Sembilan
Isteri-Isteri Pengerusi Singer	15.3.82	8	New York
Sek. Men. Syed Hassan, Kangar, Perlis.	13.4.82	42	Perlis

Nama Rombongan	Tarikh Lawatan	Bilangan Pelawat	Negeri Dalam Malaysia/ Luar Negeri
Sek. Men. Doktor Megat Khas, Jln. Labrooy, Ipoh, Perak.	10.4.82	—	Perak
Sek. Tinggi Melaka, Jln. Chan Koon Cheng, Melaka.	12.4.82	43	Melaka
Sek. Menengah, Sri Kota, Taiping, Perak.	23.4.82	45	Perak
Sek. Datok Hj. Ahmad Badawi, Kepala Batas, Seberang Perai.	12.4.82	44	Seberang Perai
Sek. Men. Sultan Abu Bakar, Jln. Abd. Rahman, Muar, Johor.	9.4.82	60	Johor
Sek. Men. Sultan Sulaiman Shah, Batang Berjuntai, Selangor.	13.4.82	33	Selangor
Sek. Men. Majlis Ugama Islam Ah-Ahmadi, Sg. Udang, Melaka.	3.4.82	48	Melaka
Sek. Men. Keb. Besut, Trengganu.	14.4.82	49	Trengganu
Sek. Men. Assunta, Jln. Chenggal, Petaling Jaya.	29.5.82	—	Selangor
Sek. Men. Keb. Sg. Ruman, Raub, Pahang.	7.5.82	134	Pahang
Sek. Men. Dato' Abdul Samad, Tanjung Ipoh, N. Sembilan.	21.5.82	40	Negeri Sembilan
Sek. Men. Convent, Jln. Birch, Seremban, N. Sembilan.	21.5.82	32	Negeri Sembilan
Dr. Bowrey, Australia (Pensyarah Pelawat).	11.5.82		
Vice President, Engineering Co. USA.	20.5.82		

# PERPUSTAKAAN

## KETUA PUSTAKAWAN

Syed Salim Agha, B.Sc. (Madras) A.L.A.  
(London)

## PENDAHULUAN

Sepanjang tahun akademik 1981/1982, penekanan usaha dan pencapaian prestasi telah ditumpukan kepada usaha-usaha memperbaiki mutu perkhidmatan dan memperkembangkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan bukan sahaja oleh masyarakat kampus UPM tetapi juga oleh seluruh masyarakat pertanian di-Malaysia. Selaras dengan dasar perpustakaan dalam menggalakkan penggunaan maksima koleksi-koleksinya dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi, semakin banyak pertubuhan-pertubuhan luar dan orang per<sup>su</sup>orangan dari luar kampus yang mendapat faedah melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Perpustakaan. Dalam arena ini Perpustakaan selaku Pusat Kebangsaan AGRIS di-Malaysia boleh berbangga dengan keupayaannya dalam memberi perkhidmatan penyebaran maklumat kepada masyarakat pertanian melalui berbagai jenis prohran yang dilaksanakannya. Perkhidmatan Antara Perpustakaan, hasil dari penilaian semula struktur organisasi dan perjalanan kerja, telah berupaya meninggikan prestasi perkhidmatannya. Kadar keupayaan perkhidmatan ini dalam mengadakan bahan-bahan yang diminta telah meningkat. Perkhidmatan-perkhidmatan yang lainnya juga berjalan dengan licin walaupun Perpustakaan menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan tenaga kerja sepanjang tahun ini.

Selain dari menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan Perpustakaan kepada penggunaanya, beberapa projek telah dijalankan untuk mendapat maklumbalas dan menilai keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan dari kaca mata dan penilaian pengguna-pengguna. Melalui jawapan kepada soal-selidik yang diedarkan, perpustakaan telah

dapat membuat beberapa perubahan kearah memenuhi keperluan masa pengguna dan meningkat prestasi pengurusan perkhidmatan yang dijalankan.

Seiring dengan hasrat mempertinggikan mutu perkhidmatan dan perkembangannya, Perpustakaan telah mula menumpukan perhatian kepada usaha-usaha awal dalam program mengkomputerisasikan berbagai proses dan perkhidmatan Perpustakaan. Penubuhan Bahagian Sistem dan Latihan yang diketuai oleh seorang Pegawai Kanan telah membolehkan usaha-usaha ke arah ini dimulakan. Di peringkat Perpustakaan, program-program mengikut prioriti telah ditentukan, tetapi yang menjadi masalah dalam melaksanakan program-program ini adalah faktor-faktor yang luar dari keupayaan pihak Perpustakaan mengatasinya. Masalah kekurangan tenaga mahir di Pusat Komputer merupakan salah satu dari faktor-faktor tersebut. Juga Perpustakaan menyedari bahawa matlamat untuk membentuk satu sistem Perpustakaan yang "integrated" memang sukar untuk dicapai dan akan mengambil masa yang lama. Kajian-kajian yang terperinci sedang dibuat terhadap berbagai "software package" yang ada dalam pasaran bagi memastikan satu yang paling sesuai untuk memenuhi keperluan Perpustakaan.

Perkembangan fizikal Perpustakaan berjalan dengan baik, walaupun di Perpustakaan-perpustakaan cawangan ruangan tempat pembaca dan pejabat masih belum dapat diatasi. Bangunan tambahan Perpustakaan Pusat di Serdang dijangka akan siap dan boleh diduduki pada lewat tahun 1982 ini.

## Perjawatan

Seperti dalam tahun-tahun yang lepas pergerakan perkembangan jumlah kakitangan menunjukkan kadar pengambilan kakitangan adalah sejajar dengan perletak-

1981/82

an jawatan oleh kakitangan, terutama kakitangan di peringkat bawah. Yang menjadi faktor yang menjejaskan prestasi perpustakaan ialah kelewatan dalam mengisi semula jawatan-jawatan kosong. Seramai 13 orang kakitangan baru telah melapor diri dalam tempoh 1981/82 dan seramai 15 orang kakitangan pula yang meletakkan jawatan. Kebanyakan dari jawatan-jawatan tambahan bagi tahun 1981 telah diisi pada lewat tahun tersebut. Jawatan Timbalan Ketua Pustakawan telah diisi pada 1hb. Ogos, 1981.

**Latihan**

Mohd. Ariff Ariffin mengikuti kursus Masters in Library Science selama 1½ tahun di University of Pittsburgh mulai September 1981 hingga Februari, 1983.

Badilah Saad kursus Information Storage and Retrieval Systems VII, 21hb. September hingga 27hb. November 1981, di Hyderabad, India.

Kamariah Abdul Hamid mengikut kursus Library Resources in Higher Education, 14hb. hingga 26hb. Mac, 1982 di London.

Zakiah Azmi mengikuti kursus Regional Micrographic Training Course, di Los Banos, Philippines, 11hb. hingga 22hb. Januari, 1982.

Kalsom Sharif dan Nor Zaidah Mohd Hashim menghadiri Seminar SISMAKOM di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, 11hb. hingga 12hb. Februari, 1982

Hayati Saarani, Kamariah Abdul Hamid dan Sukinah Ibrahim menghadiri Bengkel Pengkatalogan PPM/PNM mengenai AACR2, 23hb. hingga 27hb. November, 1981 di Kuala Lumpur.

Jamaliah Ahmad menghadiri Seminar Penerbitan Buku-buku dalam Bahasa Malaysia, 27hb. hingga 29hb. November, 1981 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Salmah Salleh menghadiri Workshop on

Audio-Visual, 22hb hingga 26hb Jun, 1981, di Kuala Lumpur.

Rahmah Abdul Jalil dan Amir Hussain Mohd Ishak menghadiri Seminar Makmal Bahasa, 16hb. Oktober 1981 di Kuala Lumpur.

Salmah Salleh menghadiri Bengkel The Organization and Maintenance of Malaysia Legal Materials. 14hb. hingga 15hb. Januari 1982 di Kuala Lumpur.

Beberapa orang Pegawai Tadbir dan Pegawai Kerani telah mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar, UPM dalam usaha menambah pengetahuan dan mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan kakitangan.

Puan Margaret Simeng, Pegawai Tadbir Perpustakaan di UPM Sarawak telah kembali bertugas pada pertengahan bulan Julai, 1981 setelah tamat menghadiri kursus selama satu tahun di United Kindom. Untuk memberi latihan amali dalam menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan di Perpustakaan, beliau telah menjalani tempoh latihan selama enam bulan di Perpustakaan Pusat Serdang, iaitu mulai dari bulan Oktober, 1981 hingga April, 1982.

**Kemajuan Koleksi Perpustakaan**

**A. Kemajuan Perolehan**

**a) Buku**

Berasaskan kepada dokumen 'Dasar Perkembangan Koleksi Perpustakaan UPM' usaha yang lebih sistematik telah diambil untuk memperkayakan dan menseimbangkan koleksi Perpustakaan dalam berbagai bidang. Bahagian Perolehan telah menguruskan pesanan sejumlah 8,488 judul atau 12,183 naskah buku. Dari segi penerimaan bahan-bahan pula sejumlah 8,935 judul atau 11,317 naskah buku telah diperolehi.

Di samping itu Bahagian Perolehan terus menerima bahan-bahan melalui program pertukaran, hadiah dan tuntutan undang-

undang. Pada tahun ini sejumlah 3,192 judul atau 4,060 naskah buku telah diterima dari berbagai-bagai punca. Pada keseluruhannya sebanyak 15,732 naskah buku telah dapat ditambah kepada koleksi perpustakaan untuk tahun 1981/82.

#### b) Bahan-bahan Pandang Dengar

Pada tahun ini koleksi bahan pandang dengar perpustakaan juga telah bertambah. Sejumlah 136 judul bahan pandang dengar di dalam berbagai bentuk seperti filem, mikro-fis, filem selit, filem gulung, kaset, pita, gambarfoto udara, transparensi dan sebagainya telah dipesan. Bahagian Perolehan telahpun menerima sebanyak 390 judul bahan-bahan pandang dengar yang dipesan. Di antara judul-judul yang diterima itu sebanyak 92 judul adalah dalam bentuk pita, 91 filem, 75 filem strip.

Usaha membantu membuat pesanan bagi keperluan perpustakaan Cawangan Sarawak masih dijalankan oleh Bahagian Perolehan. Pada tahun ini sebanyak 2,459 judul atau 3,088 naskah buku telah dipesan dan sejumlah 3,276 judul atau 3,944 naskah buku telah diterima.

Pesanan untuk bahan-bahan pandang dengar bagi Perpustakaan Cawangan Sarawak adalah kecil bilangannya. Hanya 11 judul bahan pandang dengar dalam berbagai bentuk yang dipesan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1981/82 ini sebanyak 37 judul bahan pandang dengar telah diterima.

Untuk tahun 1982 Bahagian Perolehan telah mendapat peruntukan sejumlah \$600,000 yang termasuk peruntukan semasa sebanyak \$300,000 (Vot 103/3307) dan peruntukan pembangunan sebanyak \$300,000 (Vot E4204.023). Peruntukan ini adalah untuk memperolehi bahan-bahan perpustakaan bagi Perpustakaan Induk Serdang dan juga Perpustakaan Cawangan Trengganu. Jumlah peruntukan tahun ini adalah sama banyaknya dengan peruntukan yang diberi bagi tahun 1980/81. Rekod perbelanjaan 1981/82 menunjukkan bahawa nilai invoice yang telah diproses ialah sebanyak \$714,172.69. Jumlah nilai invoice yang diproses bagi Perpustakaan Cawangan Sarawak pula ialah \$179,033.99.

#### c) Koleksi Terbitan Bersiri

Peruntukan kewangan bagi keperluan langganan jurnal pada tahun 1982 adalah bertambah sebanyak 60% dari tahun lepas iaitu menjadikannya sejumlah \$800,000.00. Pada tahun 1981 peruntukan yang diberi adalah sebanyak \$500,000.00 sahaja. Wang sejumlah \$50,000 pula telah diperuntukkan untuk keperluan membeli majalah kebelakangan bagi tahun 1982. Peruntukan yang diberi untuk majalah kebelakangan pada tahun 1981 adalah sebanyak \$30,000.00 sahaja.

Sepanjang tahun ini perpustakaan telah melanggan sebanyak 47 judul jurnal baru. Walau bagaimanapun sejumlah 28 judul jurnal lama untuk Serdang dan 4 jurnal untuk Trengganu telah dibatalkan. Sehingga bulan Mei, 1982 jumlah judul jurnal yang dilanggan oleh Bahagian Perolehan adalah seperti berikut:

#### Langganan Serdang Trengganu

Baru	47	—
Lama	<u>1,809</u>	<u>56</u>
Jumlah	<u>1,856</u>	<u>56</u>

#### Hadiah/Pertukaran/Akta Pemeliharaan Buku

<b>Judul</b>	<b>Serdang</b>
Baru	235
Lama	<u>2,066</u>
Jumlah	<u>2,301</u>

Perpustakaan Induk Serdang setakat ini mempunyai sejumlah 4,350 judul jurnal di dalam koleksi yang diterima melalui langganan dan juga hadiah/pertukaran/tuntutan undang-undang.

#### B. Koleksi Perpustakaan

##### a) Perpustakaan Pusat, Serdang

Jumlah buku yang tersedia untuk kegunaan pengguna telah meningkat dari 128,477 pada akhir Mei 1981 kepada 154,454 pada akhir Mei, 1982. Jumlah judul terbitan bersiri juga

telah meningkat dari 4100 kepada 4341, dan koleksi bahan pandang dengar juga meningkat dari 19,393 kepada 26,994 unit pada

akhir Mei, 1982. Perbandingan kedudukan koleksi antara tahun 1980/81 dan 1981/82 adalah seperti jadual berikut:-

KOLEKSI SERDANG	Pada akhir 1980/81	Pada akhir 1981/82	Tambahan dlm. 1981/82
<b><u>NASKAH BUKU</u></b>			
Buku-buku am	—	129,400	—
Jurnal berjilid	—	15,114	—
Koleksi bibliografi	—	3,309	—
Koleksi rujukan	—	6,631	—
Jumlah	<u>128,447</u>	<u>154,454</u>	<u>26,007</u>
<b><u>TERBITAN BERSIRI</u></b>			
Jumlah judul dilanggan	2,049	2,055	6
hadiah	2,051	2,286	235
Jumlah	<u>4,100</u>	<u>4,341</u>	<u>241</u>
<b><u>BAHAN PANDANG DENGAR (UNIT)</u></b>			
Filem	686	887	201
Filem gelung	615	620	5
Filem Relung	212	512	300
Filem selit	7,995	10,994	2,999
Pita	443	455	12
Mikrofilem	1,237	1,356	119
Mikrofis	5,272	6,694	1,422
Peta topografi	1,668	1,724	56
Peta laut	—	78	78
“Kit”	119	141	22
Lutsinar	967	1,241	274
Kad	300	300	0
Buku dengan bpd	—	1,775	1,775
Gambarfoto udara	—	32	32
Carta	167	173	6
Pita video	—	12	12
Jumlah	<u>19,681</u>	<u>26,994</u>	<u>7,313</u>

**b) Perpustakaan Cawangan di Kuala Trengganu**

Kedudukan koleksi bagi Perpustakaan Cawangan di Pusat Perikanan dan Sains

Samudra di Kuala Trengganu adalah seperti jadual berikut:-

KOLEKSI	Pada akhir 1980/81	Pada akhir 1981/82	Tambahan dlm. 1981/82
Naskah buku	1,349	1,935	486
<b>Judul Terbitan Bersiri</b>			
Dilangan	56	56	—
Hadiah		63	63
Jumlah	<u>56</u>	<u>119</u>	<u>63</u>
<b>Bahan Pandang Dengar</b>			
Unit Carta	2	2	—
Kad	2	2	—
Filem	5	7	2
Filem gelung	24	24	—
Peta	0	1	1
Jumlah	<u>      </u>	<u>36</u>	<u>3</u>

**C. Penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan**

**a) Keahlian**

Jumlah pengguna mengikut bilangan ahli berdaftar sehingga akhir Mei 1982 adalah seperti berikut:-

Kumpulan keahlian	Bilangan
Pegawai Akademik UPM	614
Pegawai Am UPM	495
Ahli luar dengan wang cagaran	581
Siswa ijazah lanjutan	64
Siswa tanpa ijazah	8
Penuntut	4253
Ahli luar (terhad kepada perkhidmatan rujukan sahaja)	<u>      </u>
Jumlah	<u>6022</u>

Disamping menggalakkan ramai ahli-ahli dari luar menggunakan perkhidmatannya, Perpustakaan juga harus memastikan kepentingan pengguna yang benar-benar memerlukan segala kemudahan Perpustakaan UPM dan juga memelihara keselamatan koleksinya. Berasaskan kepada kesedaran ini, Jawatankuasa Perpustakaan telah meluluskan kadar baru bagi wang cagaran yang dikenakan kepada semua Ahli Perpustakaan dari luar kampus. Kadar baru itu adalah seperti berikut:-

Pegawai dari badan kerajaan dan badan berkanun dan pegawai sambilan Universiti Pertanian Malaysia dan juga petani, nelayan dan pengusaha kecil dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 seorang, untuk menjadi Ahli Perpustakaan.

Pegawai dari syarikat atau pertubuhan swasta, peniaga-peniaga dan orang perseorangan dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 seorang, untuk menjadi Ahli Perpustakaan. Yuran pendaftaran adalah \$5.00 seorang. Persekutu Akademik dan Penasihat Fakulti Universiti ini dikecualikan dari bayaran wang cagaran dan yuran pendaftaran.

Bilangan pinjaman buku dan jurnal berjilid	59,872
Bilangan pemulangan buku dan jurnal berjilid	52,294
Bilangan pinjaman jurnal yang belum berjilid	3,028
Bilangan tempahan yang diterima	1,731
Bilangan panggilan semula	1,133
Bilangan pinjaman buku berbintik merah	31,430
Bilangan pinjaman bahan pandang dengar	1,316

#### (ii) Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)

Perkhidmatan PAP meliputi bekalan salinan-salinan (salinanfoto, salinan mikrofilm/fis) sebagai menampung keperluan pengguna yang tidak dapat diadakan oleh koleksi Perpustakaan, dan juga memenuhi permintaan luar bagi bahan-bahan yang terdapat dalam koleksinya.

Di samping tahun 1981/82, sejumlah 916 permohonan diterima dari ahli-ahli Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia (kebanyakannya pegawai akademik). Sejumlah 606 dari Permohonan ini (71 buah buku, 520 judul jurnal/artikal, dari 15 buah filem) telah dipenuhi. Permohonan untuk salinanfoto yang dihantar ke luar negeri berjumlah 264 (116 British Library Lending Division, 64 Anstel dan 84 tempat lain, misalnya National Agricultural Library dan National University of Singapore). Berhubung dengan perkhidmatan PAP yang dipohon oleh perpustakaan-perpustakaan luar dari Universiti Pertanian Malaysia, sejumlah 926 permohonan untuk bahan-bahan dalam koleksi perpustakaan ini telah diterima sepanjang tahun 1981/82. Sejumlah 78 permohonan itu adalah daripada luar negeri. Dari jumlah ini, sebanyak 546 permohonan yang telah dipenuhi.

#### (iii) Perkhidmatan Salinanfoto dan Penjilidan

Perpustakaan mempunyai empat buah mesin salinanfoto dan bilangan salinanfoto yang

## b) Perkhidmatan-perkhidmatan Asas

### (i) Peminjaman dan Pemulangan

Kegiatan aktiviti dalam penggunaan koleksi dalam 1981/82 adalah seperti yang ditunjukkan oleh perangkaan di bawah ini:-

dibuat dalam tahun 1981/82 ialah 535,766. Jumlah permohonan perkhidmatan penjilidan yang diterima dari penuntut-penuntut dan Jabatan-jabatan di UPM dalam tahun 1981/82 ialah 3,286.

### c) Perkhidmatan Pendidikan Pengguna dan Seranta

#### (i) Perkhidmatan Rujukan di Meja Pertanyaan

Mulai dari September, 1981, semua pegawai ikhtisas (kecuali Ketua-ketua Bahagian) adalah terlibat secara langsung dalam memberi perkhidmatan rujukan kepada pengguna semasa mereka bertugas, mengikut jadual giliran, di Meja Pertanyaan. Selain dari memberi peluang semua pegawai ikhtisas meluaskan pengalaman kerja, penglibatan semua pegawai ini diharapkan dapat menimbulkan persefahaman yang lebih lagi antara pegawai perpustakaan dan penggunaannya dan memperkukuhkan sikap "user-oriented" di kalangan kakitangan Perpustakaan.

#### (ii) Program Suaikenal Perpustakaan

Kursus Panduan Menggunakan Perpustakaan telah diadakan pada tiap-tiap tahun untuk memperkenalkan perpustakaan dan cara menggunakan perkhidmatan-perkhidmatannya kepada penuntut-penuntut baru. Bagi tahun 1981/82, kursus ini berlangsung selama 5 minggu mulai dari 8hb. Jun, 1981. Diakhir kursus, satu penilaian untuk menge-

tahui kadar keberkesanan kursus telah diadakan, dan didapati kursus seperti ini amatlah berguna kepada penuntut UPM.

### **(iii) Pameran bahan-bahan Perpustakaan**

Buku-buku baru Perpustakaan adalah dipilih dan dipamerkan pada tiap-tiap minggu untuk menarik perhatian pengguna-pengguna. Selain daripada itu pameran-pameran bahan Perpustakaan dalam bidang-bidang tertentu telah diadakan bagi tujuan yang sama.

Pada 15hb. hingga 17hb. Oktober 1981: Pameran buku-buku dan terbitan bersiri bersempena dengan Hari Makanan Sedunia, di Perpustakaan UPM

Pada 23hb. hingga 28hb. November 1981: Pameran buku-buku dan terbitan bersiri mengenai Kedokteran Veterinar, yang dianjurkan oleh The British Council di Perpustakaan UPM

Pada 22hb. hingga 27hb. Disember 1981: Pameran buku-buku mengenai orkid bersempena dengan ceramah "Orkid: Penanaman dan Pemeliharaan" yang dianjurkan oleh Perpustakaan UPM.

Pada 18hb. hingga 23hb. Januari 1981: Pameran buku-buku dan terbitan bersiri bersempena dengan "Workshop on Ecological Basis for Natural Resource Utilization in Humid Tropics of Southeast Asia" di Perpustakaan UPM. Bengkel ini telah dianjurkan oleh Universiti Pertanian Malaysia dan dibiayai bersama oleh MAB dan Rancangan UNESCO/UNEP.

Pada 26hb. hingga 31hb. Mac 1982: Pameran buku-buku dan terbitan bersiri berkenaan dengan pendidikan jasmani di Perpustakaan UPM.

### **(iv) Siri Ceramah**

Satu lagi usaha perpustakaan menarik perhatian dan kesadaran masyarakat pengguna-penggunanya kepada peranan Perpustakaan sebagai "resource centre" dan pusat

pengembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan ialah program Siri Ceramah yang diadakan pada waktu tengah hari. Siri Ceramah ini terdiri dari topik-topik pilihan yang dijangka merangkumi minat ramai. Dalam tahun 1981/82 ceramah-ceramah yang telah dianjurkan adalah:-

1. Okid: penanaman dan pemeliharaan pada 22hb Disember, 1981. Penceramahnya ialah Encik Salleh Kadzimin, Pensyarah, Fakulti Pertanian UPM.
2. Penyesuaian fizikal (conditioning): cara aerobic, pada 25hb Februari, 1982. Penceramahnya ialah Puan Kalsom Faezah Mohamad, Pensyarah, Fakulti Perkhidmatan Pendidikan UPM.

Cara menanam mangga di Malaysia pada 25hb Mei, 1982 Penceramahnya ialah Prof Madya Gucharan Singh, Pensyarah Fakulti Pertanian UPM.

### **(v) Tayangan Filem**

Untuk faedah dan minat pelajar dan pegawai Universiti, filem-filem mengenai perkara-perkara am juga ditayangkan oleh Perpustakaan pada waktu malam. Sebanyak 12 tayangan filem telah diadakan dalam tahun 1981/82.

### **d) Perkhidmatan Penyebaran maklumat dan Penerbitan**

Dalam tahun 1981/82, sebanyak 59 buah topik penyiasatan maklumat telah dijalankan untuk pemohon-pemohonnya yang kebanyakannya terdiri dari tenaga pengajar UPM.

Perpustakaan juga telah berjaya menerbitkan beberapa buah bibliografi yang bermutu seperti:-

Abstrak Penukaran Biojism kepada bahan tenaga (Abstract on bioconversion for fuel production) Oktober, 1981.

Asas ekologi untuk kegunaan rasional sumber hutan di Asia Tenggara: sebuah bibliografi (Ecological basis for national utilization of forest resources in Southeast Asia: a bibliography) Januari, 1982.

Hydroponik: sebuah bibliografi (Hydroponics: a bibliography), Oktober 1981.

Kesan kegiatan perhutanan dan perhutanan semula ke atas hidrologi: sebuah bibliografi (Hydrological impacts of forestry and reafforestation: a bibliography), November 1981.

Makanan dan Pemakanan di Asia: sebuah bibliografi (Food and Nutrition in Asia: a bibliography), Oktober 1981.

Mycorrhiza: sebuah bibliografi (Mycorrhiza: a bibliography) April, 1982.

Perkebunan dan pemandangan alam: sebuah bibliografi (Gardening and landscaping: a bibliography) Oktober 1981.

Bersempena dengan pameran-pameran buku yang diadakan oleh Perpustakaan, senarai bahan-bahan dalam koleksi dalam bidang-bidang tertentu juga telah diterbitkan dan diedarkan percuma kepada pengguna-pengguna perpustakaan:-

Senarai bahan-bahan mengenai alam sekitar, Ogos 1981.

Senarai bahan-bahan biokimia, September 1981.

Pameran buku mengenai makanan sempena Hari Makanan Sedunia, Oktober 1981.

### **Kemajuan Perpustakaan Cawangan UPM Sarawak**

Pada keseluruhannya Perpustakaan ini mengalami perkembangan yang pesat dalam pembangunan fizikal, kewangan dan juga kakitangan. Bagaimanapun, kadar keperluan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan yang selaras dengan perkembangan akademik Universiti, adalah jauh lebih besar dari kadar perkembangan Perpustakaan

yang terupaya dilaksanakan oleh Perpustakaan dengan kemudahan fizikal dan tenaga kerja yang terhad. Oleh yang demikian, kesempitan ruang pembaca, kekurangan bahan-bahan dalam beberapa aspek keperluan pengajaran dan pembelajaran Universiti dan kekurangan **tumpuan** ke arah perkhidmatan pencarian dan penyebaran maklumat, masih dirasakan oleh pengguna-penggunanya.

Dalam tahun 1981/82, Perpustakaan mendapat tambahan seorang kakitangan ikhtisas dan dua orang penyemak perpustakaan. Puan Margaret Simeng telah kembali bertugas pada 20hb. Julai, 1981 setelah tamat menghadiri kursus selama satu tahun di United Kingdom. Bilangan kakitangan Perpustakaan dalam tahun 1981/82 ialah 13 orang.

Puan Annie Thomas yang bertugas selama 3 tahun di Perpustakaan ini telah kembali bertugas semula di Perpustakaan Pusat, Serdang pada akhir Ogos 1981. Sebagai pengganti, Encik Mohd. Saad bin Hamid telah ditukarkan dari Perpustakaan Pusat, Serdang untuk berkhidmat di Perpustakaan ini selama 3 tahun.

Program latihan yang diadakan untuk pegawai dalam tahun ini adalah seperti berikut:-

Puan Margaret Simeng menjalani latihan amali di Perpustakaan Pusat Serdang selama enam bulan, mulai dari Oktober 1981 hingga akhir Mac, 1982.

Encik Mohd Saad Hamid menghadiri Pengkatalogan PPM/PNM mengenai AACR2, 23hb. hingga 27hb. November, 1981 di Kuala Lumpur.

Perkembangan koleksi Perpustakaan boleh dilihat dari perangkaan di bawah:-

KOLEKSI	Pada akhir 1981/82	Pada akhir 1980/81	Tambahan dlm. 1981/82
Naskah buku	20,277	16,932	3,345
Judul terbitan bersiri	500	391	109
Filem	50	10	40
Pita	17	17	—
Cassette	120	108	12
Filem selit	7	4	3
Slaid	12	—	12
Mikrofis	2	—	2
Kits	4	—	—
Filem relung /Filem strips	6	4	2

Jumlah ahli-ahli perpustakaan yang berdaftar adalah seperti berikut:

Penuntut	405 orang
Pegawai akademik	33 orang
Pegawai am	90 orang
Ahli luar	4 orang

Dari segi penggunaan perkhidmatan perpustakaan, perangkaan berikut menunjukkan perkembangan penggunaannya:-

Pinjaman buku dan terbitan bersiri	13,168
Bilangan tempahan bahan	146
Bilangan panggilan semula	188
Pinjaman buku berbintik merah	3,487

Bagi perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan, Perpustakaan telah menerima banyak permintaan. Sehingga tempoh tahun ini, ianya masih memerlukan bantuan daripada Perpustakaan Pusat untuk menjalankan sebahagian dari perkhidmatan ini disebabkan kekurangan tenaga kerja di Perpustakaan Cawangan ini.

Bilangan salinanfoto yang dibuat oleh Perpustakaan ialah 119,124. Tingginya bilangan ini membuktikan bahawa bahan-bahan terbitan di pasaran tempatan amat sukar diperolehi oleh orang ramai, khususnya penuntut-penuntut.

### Pusat Kebangsaan AGRIS Malaysia

Sejak Mac, 1979 Pusat Kebangsaan AGRIS Malaysia telah dipertanggungjawabkan kepada UPM untuk menjayakannya, dan pusat ini ditempatkan di Perpustakaan UPM. Dari sejak tarikh itu, Pusat ini berkembang maju dan memperluaskan usaha-usaha dalam mempertinggi pencapaian dalam bidang pendokumentasian terbitan-terbitan pertanian Malaysia dan perkhidmatan penyebaran dan penggunaan maklumat pertanian yang ada dalam terbitan-terbitan ini.

Jumlah input atau maklumat terbitan yang didokumenkan telah meningkat, iaitu sebanyak 729. Namun demikian, kadar liputan terbitan-terbitan yang dapat dikesan amat kurang memuaskan. Sebagai satu usaha untuk mempertinggi kadar liputan terbitan-terbitan pertanian di Malaysia, satu mesyuarat mengundang pertubuhan-pertubuhan pertanian telah diadakan. Tujuannya ialah untuk memperluas lagi penyertaan pertubuhan-pertubuhan pertanian dalam usahasama menyediakan input AGRIS dan memperluas penggunaan kaedah AGRIS di Malaysia. Hasil dari usaha ini, beberapa pertubuhan seperti PORIM telah mula menyediakan input untuk penerbitan-penerbitan masing-masing dan dihantar ke UPM untuk koordinasikan.

Satu hasil dari usaha Pusat Kebangsaan AGRIS ini dalam penyebaran maklumat ialah penerbitan Buletin Maklumat Pertanian Malaysia. Terbitan ini yang dikeluarkan empat kali setahun telah mendapat sambutan hangat dari masyarakat pertanian di negara ini. Permintaan untuk mendapatkan terbitan ini sungguh menggalakkan.

Segala pengurusan perkhidmatan yang diberi oleh Pusat ini dijalankan oleh kakitangan Perpustakaan UPM. Walaupun kekurangan tenaga kerja sedang dialami oleh Perpustakaan, namun usaha-usaha meninggikan tahap kemajuan Pusat ini terus dijalankan. Antara usaha-usaha yang sedang dirancangan ialah:-

Meluaskan Perkhidmatan Penyebaran Maklumat Terpilih kepada masyarakat pertanian luar kampus.

Mengadakan kursus kaedah AGRIS untuk pustakawan-pustakawan/pegawai dokumentasi dari Pertubuhan-pertubuhan Pertanian.

#### **Pelawat ke Perpustakaan**

Rombongan peserta kursus Nadwah Kepimpinan "SBP" pada 29hb. Disember, 1981.

Rombongan 93 orang dari Sekolah Menengah Vokesyenal (Pertanian) Chemor, pada 17hb. Mac, 1982.

Rombongan peserta-peserta kursus Pembantu Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia, pada 21hb. April, 1982.

